

# Panduan Pengguna Nokia 7510 Supernova

---

PENGISYTIHARAN PEMATUHAN

**CE 0434**

NOKIA CORPORATION dengan ini mengisytiharkan bahawa produk RM-398 ini mematuhi keperluan yang penting dan peruntukan lain Arahan 1999/5/EC yang berkaitan. Satu salinan Pengisytiharan Pematuhan ini boleh didapati [http://www.nokia.com/phones/declaration\\_of\\_conformity/](http://www.nokia.com/phones/declaration_of_conformity/).

© 2008 Nokia. Semua hak terpelihara.

Nokia, Nokia Connecting People dan Navi adalah cap dagang atau cap dagang berdaftar Nokia Corporation. Nokia tune adalah cap bunyi Nokia Corporation. Lain-lain nama produk dan nama syarikat yang disebut di sini berkemungkinan adalah cap dagang atau nama dagang pemilik masingmasing.

Pengeluaran semula, pemindahan, pengedaran atau penyimpanan sebahagian atau semua kandungan dokumen ini dalam apa-apa juga bentuk tanpa mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Nokia adalah dilarang.

No Paten AS 5818437 dan paten-paten lain sedang menunggu kelulusan. Perisian input teks T9 Hak cipta © 1997-2008. Tegic Communications, Inc. Semua hak terpelihara.



Termasuk perisian kriptografi RSA BSAFE atau protokol keselamatan daripada RSA Security.



**Java**  
**POWERED** Java dan semua tanda berasaskan Java adalah cap dagang atau cap dagang berdaftar Sun Microsystems, Inc.

This product is licensed under the MPEG-4 Visual Patent Portfolio License (i) for personal and noncommercial use in connection with information which has been encoded in compliance with the MPEG-4 Visual Standard by a consumer engaged in a personal and noncommercial activity and (ii) for use in connection with MPEG-4 video provided by a licensed video provider. No license is granted or shall be implied for any other use. Additional information, including that related to promotional, internal, and commercial uses, may be obtained from MPEG LA, LLC. See <http://www.mpegla.com>

Produk ini dilesenkan di bawah Lesen Portfolio Paten Visual MPEG-4 (i) untuk kegunaan peribadi dan bukan komersil yang berkaitan dengan maklumat yang telah dikodkan dengan mematuhi Piawai Visual MPEG-4 oleh pengguna yang terlibat dalam kegiatan peribadi dan bukan komersil dan (ii) untuk kegunaan yang berkaitan dengan video MPEG-4 yang disediakan oleh pembekal video berlesen. Tiada lesen akan diberikan atau tersirat untuk sebarang kegunaan lain. Maklumat tambahan termasuk yang berkaitan dengan kegunaan promosi, dalaman, dan komersial boleh diperolehi daripada MPEG LA, LLC. Lihat <http://www.mpegla.com>

Nokia mengamalkan dasar pengembangan yang berterusan. Nokia berhak membuat perubahan dan perbaikan kepada sebarang produk yang diperihalkan di dalam dokumen ini tanpa pemberitahuan terdahulu.

**HINGGA SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKUAT KUASA, DALAM APA JUA KEADAAN NOKIA ATAU MANA-MANA PEMBERI LESENNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB ATAS KEHILANGAN DATA ATAU PENDAPATAN ATAU APA-APA KEROSAKAN KHAS, SAMPINGAN, TURUTAN ATAU TIDAK LANGSUNG YANG BERLAKU.**

ISI KANDUNGAN DOKUMEN INI DIBEKALKAN "SEBAGAIMANA ADANYA". KEUALI DITUNTUT OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKUAT KUASA, TIADA APA-APA JENIS JAMINAN, SAMA ADA YANG NYATA ATAU TERSIRAT, TERMASUK, TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA, JAMINAN TERSIRAT BAGI KEPERDAGANGAN DAN KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU, DIBUAT BERKAITAN DENGAN KETEPATAN, KEBOLEHPERCAYAAN ATAU KANDUNGAN DOKUMEN INI. NOKIA BERHAK UNTUK MENYEMAK DOKUMEN INI ATAU MENARIKNYA BALIK PADA BILA-BILA MASA TANPA NOTIS YANG TERDAHULU.

Ketersediaan produk dan aplikasi serta perkhidmatan tertentu untuk produk ini mungkin berbeza-beza mengikut wilayah. Sila semak dengan penjual Nokia anda untuk mendapatkan butiran, dan ketersediaan pilihan bahasa.

#### Kawalan eksport

Peranti ini mungkin mengandungi barangan, teknologi atau perisian yang tertakluk pada undang-undang dan peraturan eksport dari Amerika Syarikat dan negara-negara lain. Lencongan yang bertentangan dengan undang-undang adalah dilarang.

#### NOTIS FCC/ INDUSTRY CANADA

Peranti anda mungkin menyebabkan gangguan TV atau radio (contohnya, semasa menggunakan telefon yang berdekatan dengan peralatan yang menerima). FCC atau Industry Canada boleh menghendaki anda menghentikan menggunakan telefon anda jika gangguan sedemikian tidak boleh dihapuskan. Jika anda perlukan bantuan, hubungi kemudahan servis tempatan anda. Peranti ini mematuhi bahagian 15 peraturan FCC. Operasi adalah tertakluk kepada dua syarat yang berikut: (1) Peranti ini mungkin tidak menyebabkan gangguan yang berbahaya, dan (2) peranti ini mesti menerima sebarang gangguan yang diterima, termasuk gangguan yang mungkin menyebabkan operasi yang tidak diingini. Sebarang perubahan atau pengubahsuaian yang tidak diluluskan dengan jelas oleh Nokia boleh membatalkan kebenaran pengguna untuk menggunakan peralatan ini.

Nombor model: 7510a

Keluaran 1

# Kandungan

<b>Keselamatan.....</b>	<b>6</b>	Pintasan dailan.....	21
<b>Maklumat umum.....</b>	<b>7</b>	Dailan suara.....	21
Mengenai peranti anda.....	7	Pilihan semasa panggilan.....	22
Perkhidmatan rangkaian.....	7	<b>Tulis teks.....</b>	<b>23</b>
Kod akses.....	8	Mod teks.....	23
Perkhidmatan tetapan		Input teks tradisional.....	23
tatarajah.....	8	Input teks ramalan.....	23
Nokia Saya.....	9	<b>Mesej.....</b>	<b>25</b>
Muat turun kandungan.....	9	Mesej teks dan multimedia.....	25
Petua berguna.....	9	Mesej teks.....	25
Kemas kini perisian.....	10	Mesej multimedia.....	25
Sokongan Nokia.....	10	Membuat mesej teks atau	
Pengurusan hak digital.....	11	multimedia.....	26
<b>Bermula.....</b>	<b>12</b>	Membaca dan membalas	
Pasang kad SIM dan bateri.....	12	mesej.....	26
Masukkan kad microSD.....	12	Menghantar mesej.....	26
Keluarkan kad memori .....	13	E-mel.....	27
Tukar penutup.....	13	Wizard persediaan e-mel.....	27
Caskan bateri.....	14	Menulis dan menghantar e-	
Antena.....	14	mel.....	27
Sambungkan kabel USB.....	15	Membaca dan membalas e-	
Alat Dengar.....	15	mel.....	28
Tali.....	15	Pemberitahuan e-mel	
Kekunci dan bahagian.....	16	baru.....	28
Menghidupkan dan mematikan		Mesej kilat.....	28
telefon.....	17	Mesej audio Nokia Xpress.....	28
Menavigasi menu.....	17	Mesej segera.....	29
Mod siap sedia .....	17	Mesej maklumat, mesej SIM, dan	
Paparan.....	18	arahan perkhidmatan.....	29
Skrin laman utama.....	18	Mesej suara.....	30
Pintasan dalam mod siap		Tetapan mesej.....	30
sedia.....	19	<b>Kenalan .....</b>	<b>31</b>
Penunjuk.....	19	Urus kenalan.....	31
Mod penerbangan.....	19	Kad niaga.....	32
Kunci pad kekunci.....	20	Beri pintasan dailan.....	32
Fungsi tanpa kad SIM.....	20	<b>Log panggilan .....</b>	<b>33</b>
<b>Panggilan.....</b>	<b>21</b>	<b>Log kedudukan.....</b>	<b>34</b>
Membuat panggilan.....	21		
Jawab dan tamatkan			
panggilan .....	21		

**Kesambungan.....35**

Teknologi wayarles	
Bluetooth.....	35
Data paket.....	36
Kabel data USB.....	36
Penyegerakan dan sandaran.....	36
Nokia PC Suite.....	37

**Tetapan.....38**

Profil.....	38
Tema.....	38
Nada.....	38
Lampu.....	38
Paparan.....	38
Tarikh dan masa.....	39
Pintasan saya.....	39
Kekunci pilihan kiri dan kanan.....	39
Pintasan lain.....	39
Panggilan.....	40
Telefon.....	40
Arahan suara.....	41
Aksesori.....	42
Tatarajah.....	42
Kemas kini perisian melalui udara.....	43
Keselamatan.....	43
Simpan semula tetapan kilang.....	44

**Menu operator.....45****Galeri.....46**

Folder dan fail.....	46
Cetak imej.....	46
Kongsi imej dan video dalam talian.....	46
Kad memori.....	46

**Media.....48**

Kamera dan video.....	48
Mengambil gambar.....	48
Merakam klip video.....	48

Pilihan kamera dan video.....	48
Pemain media.....	49
Menu muzik.....	49
Mainkan lagu.....	50
Tukar penampilan pemain media.....	50
Radio.....	50
Menala ke stesen radio.....	51
Tetapan radio.....	51
Perakam suara.....	52
Penyama.....	52
Peluasan stereo.....	53

**Pengatur.....54**

Jam penggera.....	54
Kalendar.....	54
Peta.....	54
Muat turun peta.....	55
Peta dan GPS.....	55
Perkhidmatan tambahan.....	56
Senarai tugasan.....	56
Nota.....	57
Kalkulator.....	57
Pemasa undur.....	57
Jam randik.....	57

**Aplikasi .....59**

Melancarkan aplikasi.....	59
Memuat turun aplikasi.....	59

**Web .....60**

Menyambung kepada perkhidmatan.....	60
Muat naik Web.....	60
Tetapan kemunculan.....	61
Memori cache.....	61
Keselamatan penyemak imbas.....	61

**Perkhidmatan SIM.....63****Aksesori tulen.....64**

Bateri.....	64
-------------	----

Alat Dengar Bluetooth Nokia BH-304.....	64
Sarung Pembawa Nokia CP-294.....	64
Alat dengar Stereo Nokia WH-700.....	65

## **Bateri.....66**

Maklumat bateri dan pengemas.....	66
Garis panduan pengesahan ketulenan bateri Nokia.....	67
Sahkan ketulenan hologram.....	68
Bagaimana kalau bateri anda tidak tulen?.....	68

## **Penjagaan dan penyelenggaraan.....69**

### **Maklumat keselamatan tambahan.....71**

Kanak-kanak kecil.....	71
Persekitaran beroperasi.....	71
Alat perubatan.....	71
Alat perubatan yang diimplan.....	71
Alat bantuan pendengaran.....	72
Kenderaan.....	72
Persekitaran di mana letupan boleh berlaku.....	73
Panggilan kecemasan.....	73
Maklumat Pensijilan (SAR).....	74

## **Indeks.....75**

# Keselamatan

Baca garis panduan mudah ini. Tidak mematuhi boleh jadi berbahaya atau salah di sisi undang-undang. Baca panduan pengguna yang lengkap untuk maklumat lanjut.



## HIDUPKAN DENGAN SELAMAT

Jangan hidupkan peranti apabila penggunaan telefon wayarles adalah dilarang atau apabila ia boleh menyebabkan gangguan atau bahaya.



## KESELAMATAN JALAN RAYA DIUTAMAKAN

Patuhi semua undang-undang tempatan. Sentiasa pastikan tangan anda bebas untuk mengendalikan kenderaan semasa memandu. Perkara pertama yang harus anda pertimbangkan semasa memandu haruslah keselamatan jalan raya.



## GANGGUAN

Semua peranti wayarles boleh mendapat gangguan, yang mungkin boleh menjejaskan prestasinya.



## MATIKAN TELEFON DI KAWASAN LARANGAN

Patuhi sebarang sekatan. Matikan peranti di dalam kapal terbang, berdekatan peralatan perubatan, bahan bakar, bahan kimia atau kawasan letupan.



## PERKHIDMATAN YANG DISAHKAN

Hanya kakitangan berkelayakan boleh memasang atau membaiki produk ini.



## TAMBAHAN DAN BATERI

Gunakan hanya tambahan dan bateri yang diluluskan. Jangan sambungkan produk yang tidak serasi.



## KETAHANAN AIR

Peranti anda tidak tahan air. Pastikan ia sentiasa kering.

# Maklumat umum

## Mengenai peranti anda

Peranti wayarles yang diperihalkan di dalam panduan ini diluluskan untuk digunakan pada Rangkaian GSM 850, 900, 1800 dan 1900 MHz . Hubungi pembekal khidmat anda untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai rangkaian.

Apabila menggunakan ciri-ciri di dalam peranti ini, patuhi semua undang-undang dan hormati adat tempatan, privasi dan hak-hak sah orang lain termasuk hak cipta.

Perlindungan hak cipta boleh mencegah sesetengah imej, muzik, dan kandungan lain daripada disalin, diubah suai atau dipindahkan.

Peranti anda mungkin mempunyai penanda buku dan pautan tapak internet pihak ketiga yang telah diprapasang. Anda boleh juga mengakses tapak pihak ketiga yang lain melalui peranti anda. Tapak pihak ketiga tidak bersekutu dengan Nokia, dan Nokia tidak mengendors atau memikul liabiliti untuk mereka. Jika anda memilih untuk mengakses tapak sedemikian, anda hendaklah berhati-hati terhadap keselamatan atau kandungannya.



**Amaran:** Untuk menggunakan sebarang ciri di dalam peranti ini, selain daripada jam penggera, peranti ini mestilah dihidupkan. Jangan hidupkan peranti ini apabila penggunaan peranti wayarles boleh menyebabkan gangguan atau bahaya.

Ingatlah untuk membuat salinan sandaran atau menyimpan rekod bertulis mengenai semua maklumat penting yang disimpan dalam peranti anda.

Apabila menyambung kepada sebarang peranti lain, baca panduan penggunaannya untuk arahan-arahan keselamatan terperinci. Jangan sambungkan produk yang tidak serasi.

## Perkhidmatan rangkaian

Untuk menggunakan peranti ini anda mestilah mempunyai perkhidmatan daripada pembekal khidmat wayarles. Kebanyakan cirinya memerlukan ciri rangkaian yang khas. Ciri ini tidak didapati pada semua rangkaian; rangkaian lain mungkin menghendaki anda membuat pengurusan khusus dengan pembekal khidmat anda sebelum anda boleh menggunakan perkhidmatan rangkaiannya. Penggunaan perkhidmatan rangkaian melibatkan penghantaran data. Periksa dengan pembekal khidmat anda untuk mendapatkan butiran mengenai bayaran semasa berada dalam rangkaian rumah anda dan semasa merayau dalam rangkaian lain. Pembekal khidmat anda boleh memberi anda arahan dan menjelaskan caj mana yang dikenakan. Sesetengah rangkaian mungkin mempunyai had-

had yang menjejaskan cara anda menggunakan perkhidmatan rangkaian. Contohnya, sesetengah rangkaian mungkin tidak menyokong semua aksara dan perkhidmatan yang bergantung kepada bahasa.

Pembekal khidmat anda mungkin telah meminta agar ciri-ciri tertentu dilumpuhkan atau tidak diaktifkan dalam peranti anda. Jika demikian, ciri ini tidak akan muncul pada menu peranti anda. Peranti anda boleh juga mempunyai tatarajah khas seperti perubahan dalam nama menu, susunan menu, dan ikon. Hubungi pembekal khidmat anda untuk maklumat lanjut.

## Kod akses

Untuk menetapkan bagaimana telefon anda menggunakan kod akses dan tetapan keselamatan, pilih **Menu > Tetapan > Keselamatan > Kod akses**.

- Kod PIN (UPIN), yang dibekalkan bersama kad SIM (USIM), membantu melindungi kad daripada digunakan tanpa izin.
- Kod PIN2 (UPIN2) yang dibekalkan bersama beberapa kad SIM (USIM), diperlukan untuk mengakses perkhidmatan tertentu.
- Kod PUK (UPUK) dan PUK2 (UPUK2) mungkin dibekalkan bersama kad SIM (USIM). Jika anda memasukkan kod PIN yang salah sebanyak tiga kali berturut-turut, anda akan diminta untuk kod PUK. Jika kod tidak dibekalkan, hubungi pembekal khidmat anda.
- Kod keselamatan membantu melindungi telefon anda daripada penggunaan tidak sah. Anda boleh membuat dan menukar kod, dan menetapkan telefon supaya meminta kod. Pastikan kod dirahsiakan dan simpan di tempat yang selamat berasingan dari telefon anda. Jika anda terlupa kod dan telefon anda dikunci, telefon anda akan memerlukan servis dan caj tambahan mungkin dikenakan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, hubungi pusat Nokia Care atau penjual telefon anda.
- Kata laluan sekatan diperlukan semasa menggunakan perkhidmatan sekatan panggilan untuk menyekat panggilan ke dan dari telefon anda (perkhidmatan rangkaian).
- Untuk melihat atau menukar tetapan modul keselamatan untuk penyemak imbas web, pilih **Menu > Tetapan > Keselamatan > Ttpn modul k'selamtn**.

## Perkhidmatan tetapan tatarajah

Untuk menggunakan perkhidmatan rangkaian seperti perkhidmatan internet mudah alih, perkhidmatan mesej multimedia (MMS), mesej audio Nokia Xpress atau penyegerakan pelayan internet jauh, telefon anda memerlukan tetapan tatarajah yang tepat. Untuk maklumat lanjut mengenai ketersediaan, hubungi pembekal khidmat anda atau penjual

Nokia sah yang terdekat atau kunjungi bahagian sokongan pada tapak web Nokia. [Lihat "Sokongan Nokia," h. 10.](#)

Setelah anda menerima tetapan sebagai mesej tatarajah, dan tetapan itu tidak disimpan dan diaktifkan secara automatik, **Tetapan tatarajah diterima** dipaparkan.

Untuk menyimpan tetapan, pilih **Tunjuk** > **Simpan**. Jika diperlukan, masukkan kod PIN yang dibekalkan oleh pembekal khidmat.

## Nokia Saya

Terima petua percuma, teknik dan sokongan untuk telefon Nokia anda termasuk kandungan percubaan percuma, demonstrasi interaktif, halaman web yang diperibadikan dan berita mengenai produk dan perkhidmatan Nokia yang terkini.

Dapatkan sepenuhnya daripada telefon Nokia anda dan mendaftar untuk My Nokia hari ini! Untuk mendapatkan maklumat lanjut dan ketersediaan di wilayah anda, lihat [www.nokia.com/mynokia](http://www.nokia.com/mynokia).

## Muat turun kandungan

Anda mungkin boleh memuat turun kandungan baru (contohnya, tema) ke telefon anda (perkhidmatan rangkaian).



**Penting:** Gunakan hanya layanan yang Anda percaya dan yang menawarkan perlindungan memadai dan proteksi terhadap perangkat lunak berbahaya.

Untuk ketersediaan perkhidmatan dan harga yang berbeza, hubungi pembekal khidmat anda.

## Petua berguna

Jika anda mempunyai pertanyaan mengenai telefon anda, atau anda tidak pasti bagaimana telefon anda harus berfungsi, rujuk kepada panduan pengguna. Jika ini tidak membantu, cuba yang berikut:

- Tetapkan semula telefon: matikan telefon dan keluarkan bateri. Setelah beberapa saat, masukkan bateri dan hidupkan telefon.
- Simpan semula tetapan kilang. [Lihat "Simpan semula tetapan kilang," h. 44.](#)
- Kemas kini perisian telefon anda dengan aplikasi Pengemas Kini Perisian Nokia, jika tersedia. [Lihat "Kemas kini perisian," h. 10.](#)
- Kunjungi tapak web Nokia atau hubungi jajaan Nokia. [Lihat "Sokongan Nokia," h. 10.](#)

Jika pertanyaan kekal tidak diselesaikan, hubungi pusat jagaan Nokia setempat anda untuk pilihan pembaikan. Sebelum menghantar telefon anda untuk dibaiki, sentiasa membuat sandaran atau merekod data dalam telefon anda.

## Kemas kini perisian

Nokia mungkin menghasilkan kemas kini perisian yang mungkin menawarkan ciri baru, fungsi tambahan, atau prestasi yang lebih baik. Anda boleh meminta kemas kinian ini melalui aplikasi PC Nokia Software Updater. Untuk mengemas kini perisian peranti, anda memerlukan aplikasi Nokia Software Updater dan PC serasi bersama-sama dengan Microsoft Windows 2000, XP atau sistem pengendalian Vista, akses internet jalur lebar dan kabel data serasi untuk menyambung peranti anda ke PC.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut dan memuat turun aplikasi Nokia Software Updater, kunjungi [www.nokia-asia.com/softwareupdate](http://www.nokia-asia.com/softwareupdate) atau tapak web Nokia setempat anda.

Jika kemas kini perisian di udara dapat disokong oleh rangkaian anda, anda juga boleh meminta kemas kini melalui telefon anda. [Lihat "Kemas kini perisian melalui udara," h. 43.](#)



**Penting:** Gunakan hanya layanan yang Anda percaya dan yang menawarkan perlindungan memadai dan proteksi terhadap perangkat lunak berbahaya.

## Sokongan Nokia

Semak [www.nokia-asia.com/support](http://www.nokia-asia.com/support) atau tapak web Nokia setempat anda untuk mendapatkan versi terbaru panduan ini, maklumat tambahan, muat turun dan perkhidmatan yang berkaitan dengan produk Nokia anda.

### Perkhidmatan tetapan tatarajah

Muat turun tetapan tatarajah percuma seperti MMS, GPRS, e-mel dan perkhidmatan lain untuk model telefon anda di [www.nokia-asia.com/setup](http://www.nokia-asia.com/setup).

### Nokia PC Suite

Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai PC Suite dan maklumat berkaitan lain pada tapak web Nokia di [www.nokia-asia.com/pcsuite](http://www.nokia-asia.com/pcsuite).

### Perkhidmatan Layanan Nokia

Jika anda perlu menghubungi perkhidmatan Layanan Nokia, semak senarai pusat hubungan Layanan Nokia setempat di [www.nokia-asia.com/contactus](http://www.nokia-asia.com/contactus).

**NOKIA**  
Care

## Penyelenggaraan

Untuk perkhidmatan penyelenggaraan, semak pusat Layanan Nokia terdekat di [www.nokia-asia.com/repair](http://www.nokia-asia.com/repair).

## Pengurusan hak digital

Pemilik kandungan mungkin menggunakan jenis teknologi pengurusan hak digital (DRM) yang berbeza untuk melindungi harta intelektual termasuk hak cipta. Peranti ini menggunakan pelbagai jenis perisian DRM untuk mengakses kandungan yang dilindungi DRM. Dengan peranti ini, anda boleh mengakses kandungan yang dilindungi dengan kunci kirim semula WMDRM 10, OMA DRM 1.0, OMA DRM 1.0 dan OMA DRM 2.0. Jika perisian DRM tertentu gagal untuk melindungi kandungan, pemilik kandungan mungkin meminta kebolehan perisian DRM tersebut untuk mengakses kandungan yang dilindungi DRM dibatalkan. Pembatalan juga mungkin mencegah pembaharuan kandungan dilindungi DRM yang sedia ada dalam peranti anda. Pembatalan perisian DRM yang sedemikian tidak menjejaskan penggunaan kandungan yang dilindungi dengan jenis DRM lain atau penggunaan kandungan tidak dilindungi DRM.

Kandungan yang dilindungi pengurusan hak digital (DRM) disertakan dengan kunci pengaktifan yang berkaitan yang menentukan hak anda untuk menggunakan kandungan tersebut.

Jika peranti anda mempunyai kandungan yang dilindungi OMA DRM, untuk membuat sandaran kedua-dua kunci pengaktifan dan kandungan, gunakan ciri sandaran Nokia PC Suite. Lain-lain kaedah pemindahan mungkin tidak memindahkan kunci pengaktifan yang perlu dipulihkan bersama kandungan supaya anda boleh terus menggunakan kandungan yang dilindungi OMA DRM setelah memori peranti diformat. Anda juga mungkin perlu memulihkan kunci pengaktifan sekiranya fail pada peranti anda rosak.

Jika peranti anda mempunyai kandungan yang dilindungi WMDRM, kedua-dua kunci pengaktifan dan kandungannya akan hilang jika memori peranti diformat. Anda juga mungkin kehilangan kunci pengaktifan dan kandungannya jika fail pada peranti anda rosak. Kehilangan kunci pengaktifan atau kandungan boleh mengehadkan kebolehan anda untuk menggunakan kandungan yang sama pada peranti anda lagi. Untuk maklumat lanjut, hubungi pembekal khidmat anda.

## Bermula

### Pasang kad SIM dan bateri

Sentiasa matikan peranti ini dan cabut pengecas sebelum mengeluarkan bateri.

Telefon ini hendaklah digunakan dengan bateri BL-5BT. Sentiasa gunakan bateri Nokia yang asli. [Lihat "Garis panduan pengesahan ketulenan bateri Nokia," h. 67.](#)

Kad SIM dan sesetuhnya mudah rosak kerana tercalar atau dibengkokkan, jadi berhati-hatilah apabila mengendalikannya, memasukkannya, atau mengeluarkannya.

1. Luncurkan penutup (1) dan keluarkannya. Keluarkan bateri (2).
2. Buka pemegang kad SIM (3). Masukkan kad SIM dengan permukaan sesetuhnya menghadap ke bawah ke dalam pemegang (4). Tutup pemegang kad SIM (5).
3. Perhatikan sesetengah bateri (6) dan masukkan bateri (7). Letakkan semula penutup belakang (8).



### Masukkan kad microSD

Gunakan hanya peranti yang serasi dengan kad microSD yang diluluskan oleh Nokia untuk digunakan dengan peranti ini. Nokia menggunakan standard industri untuk kad memori, tetapi sesetengah jenama mungkin tidak serasi sepenuhnya dengan peranti ini. Kad yang tidak serasi boleh merosakkan kad dan peranti serta data yang disimpan pada kad.

Telefon anda menyokong kad microSD sehingga 8 GB.

1. Tanggalkan penutup belakang.
2. Masukkan kad ke dalam slot kad memori dengan permukaan sentuhnya menghadap ke bawah, dan tekan ia sehingga ia terkunci di tempatnya.
3. Letak semula penutup belakang.



## Keluarkan kad memori



**Penting:** Jangan padamkan kad memori pada masa operasi semasa kad itu sedang diakses. Memadamkan kad semasa sedang beroperasi boleh merosakkan kad memori serta peranti, dan data yang tersimpan dalam kad menjadi rosak.

Anda boleh mengeluarkan atau menggantikan kad memori semasa operasi telefon tanpa mematikan peranti.

1. Pastikan bahawa tiada aplikasi sedang mengakses kad memori.
2. Tanggalkan penutup belakang.
3. Tekan kad memori sedikit untuk melepaskan kuncinya dan alihkannya.
4. Letak semula penutup belakang.


## Tukar penutup



**Nota:** Sentiasa matikan kuasa dan cabut pengecas dan sebarang peranti lain sebelum menanggalkan penutupnya. Elakkan daripada menyentuh komponen elektronik semasa menukar penutup. Sentiasa simpan dan gunakan peranti dengan penutupnya terpasang.

### Keluarkan penutup

Luncurkan penutup sehingga kuncinya terbuka dan keluarkannya.



## Gantikan penutup

Letak penutup di atas peranti dan luncurkannya sehingga ia terkunci.



## Caskan bateri

Bateri anda telah dipracas, tetapi tahap pengecasan mungkin berbeza.

1. Sambungkan pengecas ke alur keluar dinding.
2. Sambungkan pengecas pada peranti. Semasa dicas, lampu peringatan berkelip lebih kurang setiap 30 saat sekali.
3. Apabila bateri dicaskan sepenuhnya, putuskan sambungan pengecas daripada peranti, kemudian daripada alur keluar dinding.



Jika bateri benar-benar kehabisan kuasa, beberapa minit diperlukan sebelum penunjuk pengecasan muncul di paparan atau sebelum sebarang panggilan boleh dibuat.

Masa pengecasan bergantung kepada pengecas yang digunakan. Mengecas bateri BL-5BT dengan pengecas AC-3 mengambil masa lebih kurang 2 jam 40 minit sementara telefon berada dalam mod siap sedia.

## Antena

Peranti anda mungkin mempunyai antena dalaman dan luaran. Sebagaimana dengan sebarang peranti pemancaran radio, elakkan daripada menyentuh kawasan antena jika tidak perlu apabila antena sedang memancar atau menerima. Sentuhan dengan antena sedemikian menjejaskan kualiti komunikasi dan mungkin menyebabkan peranti beroperasi pada tahap kuasa yang lebih tinggi daripada yang diperlukan dan mungkin mengurangkan hayat bateri.

Rajah menunjukkan kawasan antena yang ditanda dengan warna kelabu.



## Sambungkan kabel USB

Buka penutup penyambung USB dan sambungkan kabel USB ke peranti.



## Alat Dengar



**Amaran:** Mendengar muzik pada tahap sederhana. Pendedahan kepada kelantangan yang tinggi secara terus-menerus boleh merosakkan pendengaran anda. Jangan memegang peranti dekat dengan telinga anda apabila pembesar suara digunakan kerana kelantangan mungkin terlampau kuat.




**Amaran:** Apabila anda menggunakan alat dengar, keupayaan anda untuk mendengar bunyi di luar akan terjejas. Jangan gunakan alat dengar jika ia boleh membahayakan keselamatan anda.

Apabila menyambung mana-mana peranti luar atau mana-mana alat dengar, selain daripada yang diluluskan oleh Nokia untuk digunakan dengan peranti ini, dengan Penyambung AU Nokia, sila beri perhatian khusus terhadap paras kelantangan.


Jangan sambungkan produk yang mewujudkan isyarat output kerana ini boleh menyebabkan kerosakan pada peranti. Jangan sambungkan mana-mana sumber voltan dengan Penyambung AU Nokia.

## Tali

Masukkan tali seperti yang ditunjukkan di dalam gambar dan ketatkannya.



## Kekunci dan bahagian



- 1 — Alat cuping telinga
- 2 — Paparan
- 3 — Kekunci Navi™ ; kemudian dari ini dirujuk sebagai kekunci total
- 4 — Kekunci pilihan kiri
- 5 — Kekunci panggil
- 6 — Pad kekunci
- 7 — Kekunci pilihan kanan
- 8 — Kekunci Kuasa/Tamat
- 9 — Mikrofon
- 10 — Penyambung pengecas
- 11 — Lampu peringatan
- 12 — Kanta kamera
- 13 — Denyar kamera
- 14 — Paparan penutup tersembunyi
- 15 — Penyambung kabel USB mini
- 16 — Lelubang tali pergelangan tangan
- 17 — Penyambung AV Nokia (2.5 mm)
- 18 — Butang pelepas lipatan
- 19 — Kekunci kelantangan

## Menghidupkan dan mematikan telefon

Untuk menghidupkan atau mematikan telefon, tekan dan tahan kekunci kuasa.

Jika telefon menggesa untuk kod PIN, masukkan kod (dipaparkan sebagai \*\*\*\*).

Jika telefon menggesa anda untuk masa dan tarikh, masukkan masa tempatan, pilih zon masa lokasi anda dari segi perbezaan masa yang berkadar dengan Masa Min Greenwich (GMT) dan masukkan tarikh. [Lihat "Tarikh dan masa," h. 39.](#)

Apabila anda menghidupkan telefon anda untuk pertama kali, anda mungkin digesa untuk mendapatkan tetapan tatarajah dari pembekal khidmat anda (perkhidmatan rangkaian). Untuk maklumat lanjut, rujuk pada **Sambung ke bantuan**. Lihat ["Tatarajah," h. 42](#), dan ["Perkhidmatan tetapan tatarajah," h. 8](#).

## Menavigasi menu

Telefon ini menawarkan anda pelbagai fungsi, yang dikumpulkan ke dalam menu.

1. Untuk mengakses menu, pilih **Menu**.
2. Tatal melalui menu, dan pilih pilihan (contohnya, **Tetapan**).
3. Jika menu yang dipilih mengandungi submenu lanjutan, pilih satu (contohnya, **Panggilan**).
4. Jika menu yang dipilih mengandungi submenu lanjutan, ulangi langkah 3.
5. Pilih tetapan pilihan anda.
6. Untuk kembali ke tahap menu sebelumnya, pilih **Balik**.  
Untuk keluar dari menu, pilih **Keluar**.


Untuk menukar paparan menu, pilih **Pilihan** > **Pamer menu utama**. Tatal ke kanan dan pilih daripada pilihan berikut:



Untuk menyusun semula menu, pilih **Pilihan** > **Susun**. Tatal ke item menu yang anda hendak dipindahkan, dan pilih **Alih**. Tatal ke tempat anda hendak item menu dipindahkan, dan pilih **OK**. Untuk menyimpan perubahan, pilih **Selesai** > **Ya**.

## Mod siap sedia

Apabila telefon telah sedia untuk digunakan dan anda belum memasukkan sebarang aksara, telefon berada dalam mod siap sedia.

## Paparan



- 1 — Kekuatan isyarat rangkaian selular 
- 2 — Status cas bateri 
- 3 — Penunjuk
- 4 — Nama rangkaian atau logo operator
- 5 — Jam
- 6 — Paparan
- 7 — Fungsi kekunci pilihan kiri
- 8 — Fungsi kekunci Navi
- 9 — Fungsi kekunci pilihan kanan.

Anda boleh mengubah fungsi kekunci pilihan kiri dan kanan. [Lihat "Kekunci pilihan kiri dan kanan," h. 39.](#)

## Skrin laman utama

Mod skrin laman utama memaparkan senarai ciri telefon terpilih dan maklumat yang anda boleh akses secara langsung.

Untuk mengaktifkan atau menyahaktifkan mod skrin laman utama, pilih **Menu > Tetapan > Paparan > Skrin rumah > Mod Skrin rumah.**

Untuk mengatur dan menukar mod skrin laman utama, pilih **Menu > Tetapan > Paparan > Skrin rumah > Peribadikan pameran** dan daripada pilihan yang tersedia.

Untuk memilih kekunci yang digunakan untuk mengaktifkan mod skrin laman utama, pilih **Menu > Tetapan > Paparan > Skrin rumah > Kekunci Skrin rumah** dan daripada pilih yang tersedia.

Bergantung pada tetapan, dalam mod skrin laman utama, tatal ke atas atau bawah untuk menavigasi dalam senarai dan pilih **Pilih, Pamer,** atau **Edit.**

Anak panah menunjukkan bahawa maklumat lanjut adalah tersedia. Untuk berhenti menavigasi, pilih **Keluar**.

## Pintasan dalam mod siap sedia












Untuk mengakses senarai nombor yang anda dail, tekan kekunci panggil sekali. Untuk memanggil nombor dari senarai, tatal ke nombor atau nama, dan tekan kekunci panggil.

Untuk membuka penyemak imbas web, tekan dan tahan **0**.

Untuk memanggil peti mel suara anda, tekan dan tahan **1**.

Anda boleh gunakan kekunci sebagai pintasan. [Lihat "Pintasan dailan," h. 21.](#)

## Penunjuk

- Anda mempunyai mesej belum dibaca.
-  Anda mempunyai mesej tidak dihantar, dibatal atau gagal.
-  Anda mempunyai panggilan tidak dijawab.
-  Pad kekunci dikunci.
-  Telefon tidak berdering untuk panggilan masuk atau mesej teks.
-  Penggera ditetapkan.
- G/E** Telefon didaftarkan pada rangkaian GPRS atau EGPRS.
-  Telefon mempunyai sambungan GPRS atau EGPRS yang terbuka.
-  Sambungan GPRS atau EGPRS digantung (ditunda).
-  Kesambungan Bluetooth dihidupkan.
- 2** Jika anda mempunyai dua talian telefon, talian telefon yang kedua dipilih.
-  Semua panggilan masuk dialihkan ke nombor lain.
-  Panggilan dihadkan kepada kumpulan pengguna tertutup.
-  Profil aktif semasa ditetapkan masa.

## Mod penerbangan

Gunakan mod penerbangan dalam persekitaran sensitif radio—di dalam kapal terbang atau di hospital—untuk nyahaktifkan semua fungsi frekuensi radio. Anda masih mempunyai akses pada permainan luar talian, kalendar, dan nombor telefon. Apabila mod penerbangan aktif, ➔ dipaparkan.

Untuk mengaktifkan atau menetapkan mod penerbangan, pilih **Menu** > **Tetapan** > **Profil** > **Penerbangan** > **Aktifkan** atau **Pilihan sendiri**.

Untuk menyahaktifkan mod penerbangan, pilih mana-mana profil lain.

### **Buat panggilan kecemasan dalam mod penerbangan**

Masukkan nombor kecemasan, tekan kekunci panggil dan apabila **Keluar dari profil penerbangan?** dipaparkan, pilih **Ya**.



**Amaran:** Dalam profil penerbangan anda tidak boleh membuat atau menerima sebarang panggilan, termasuk panggilan kecemasan, atau menggunakan ciri-ciri lain yang memerlukan liputan rangkaian. Untuk membuat panggilan, anda hendaklah mengaktifkan fungsi telefon dahulu dengan menukar profil. Jika peranti telah dikunci, masukkan kod kunci. Jika anda perlu membuat panggilan kecemasan semasa peranti dikunci dan dalam profil penerbangan, anda juga boleh memasukkan nombor kecemasan rasmi yang telah diprogramkan ke dalam peranti anda di dalam medan kod kunci dan pilih 'Panggil'. Peranti akan mengesahkan bahawa anda akan keluar dari profil penerbangan untuk memulakan panggilan kecemasan.

## **Kunci pad kekunci**

Untuk mengunci pad kekunci untuk mengelak kekunci daripada ditekan secara tidak sengaja pilih **Menu**, dan tekan \* selama 3.5 saat.

Untuk membuka kunci pad kekunci, pilih **Buka k'ci**, dan tekan \* dalam masa 1.5 saat. Jika diminta, masukkan kod kunci.

Untuk menjawab panggilan apabila pad kekunci dikunci, tekan kekunci panggil. Apabila anda menamatkan atau menolak panggilan, pad kekunci mengunci secara automatik.

Ciri-ciri lain adalah **Kawal kekunci auto**. dan **Kawal k'ncni k'slmtan**.  
[Lihat "Telefon," h. 40.](#)

Apabila peranti atau pad kekunci dikunci, panggilan masih boleh dibuat ke nombor kecemasan rasmi yang telah diprogramkan ke dalam peranti anda.

## **Fungsi tanpa kad SIM**

Sesetengah fungsi telefon anda boleh digunakan tanpa memasukkan kad SIM, seperti fungsi dan permainan Pengatur. Sesetengah fungsi kelihatan dimalapkan di dalam menu dan tidak boleh digunakan.

# Panggilan

## Membuat panggilan

Anda boleh membuat panggilan dengan beberapa cara:

- Masukkan nombor telefon, termasuk kod kawasan dan tekan kekunci panggil.  
Untuk panggilan antarabangsa, tekan \* dua kali untuk awalan antarabangsa (aksara + menggantikan kod akses antarabangsa), masukkan kod negara, kod kawasan tanpa awalan 0, jika perlu, dan nombor telefon.
- Untuk mengakses senarai nombor yang didail, tekan kekunci panggil sekali dalam mod siap sedia. Pilih nombor atau nama, dan tekan kekunci panggil.
- Cari nama atau nombor telefon yang anda simpan dalam Kenalan. [Lihat "Urus kenalan," h. 31.](#)

Untuk melaraskan kelantangan dalam panggilan, tekan kekunci kelantangan ke atas atau ke bawah.

## Jawab dan tamatkan panggilan

Untuk menjawab panggilan masuk, buka lipatan dan tekan kekunci panggil. Untuk menamatkan panggilan, tekan kekunci tamat atau tutup lipatan.

Untuk menolak panggilan masuk, tekan kekunci tamat. Untuk membisukan nada dering, pilih **Senyap**.

Untuk menjawab panggilan hanya dengan membuka lipatan, pilih **Menu > Tetap** > **Panggilan > Jwb. apb. lipat. buka > Aktif**.

## Pintasan dailan

Untuk memperuntukkan nombor telefon ke salah satu daripada kekunci nombor, 2 hingga 9. [Lihat "Beri pintasan dailan," h. 32.](#)

Gunakan pintasan dailan untuk membuat panggilan dengan salah satu daripada cara berikut:

- Tekan nombor kekunci, kemudian tekan kekunci panggil.
- Jika **Menu > Tetap > Panggilan > Dail cepat > Aktif** dipilih, tekan dan tahan kekunci nombor.

## Dailan suara

Buat panggilan telefon dengan menyebut nama yang disimpan dalam Kenalan.

Oleh kerana arahan suara bergantung kepada bahasa, sebelum menggunakan dailan suara, anda mesti memilih **Menu > Tetapan > Telefon > Tetapan bahasa > Bahasa telefon** dan bahasa anda.



**Nota:** Menggunakan tag suara mungkin sukar dalam persekitaran yang bising atau semasa kecemasan, jadi jangan bergantung dengan dail suara semata-mata dalam semua keadaan.

1. Dalam mod siap sedia, tekan dan tahan kekunci pilihan kanan. Nada pendek berbunyi, dan **Cakap sekarang** dipaparkan.
2. Sebut nama kenalan yang anda hendak dail. Jika pengecaman suara berjaya, satu senarai padanan ditunjukkan. Telefon memainkan arahan suara bagi padanan yang pertama pada senarai. Jika ia bukan arahan yang betul, tatal ke entri lain.

## Pilihan semasa panggilan

Kebanyakan daripada pilihan yang boleh anda gunakan semasa panggilan adalah perkhidmatan rangkaian. Untuk ketersediaan, hubungi pembekal khidmat anda.

Semasa panggilan, pilih **Pilihan**. Pilihan yang tersedia mungkin merangkumi yang berikut:

Pilihan-pilihan panggilan adalah **Senyapkan** atau **Bersuara**, **Kenalan**, **Menu**, **Kunci pad kekunci**, **Rakam**, **Kejelasan suara**, **Pembesar suara** atau **Telefon bimbit**.

Pilihan-pilihan panggilan adalah **Jawab** atau **Tolak**, **Tunggu** atau **Lepas**, **Panggilan baru**, **Tmbh. ke p'sidangan**, **Tamat panggilan**, **Tmt semua panggilan.**, dan yang berikut:

- **Hantar DTMF** — untuk menghantar rentetan nada.
- **Bertukar** — untuk beralih antara panggilan aktif dan panggilan yang ditunda
- **Pindah** — untuk menyambung panggilan yang ditunda kepada panggilan aktif dan memutuskan sambungan anda sendiri.
- **Persidangan** — untuk membuat panggilan persidangan.
- **Panggilan peribadi** — untuk mengadakan perbincangan peribadi dalam panggilan persidangan





**Amaran:** Jangan memegang peranti dekat dengan telinga anda apabila pembesar suara digunakan kerana kelantangan mungkin terlampau kuat.

# Tulis teks

## Mod teks

Untuk memasukkan teks (misalnya, semasa menulis mesej), anda boleh menggunakan input teks tradisional atau ramalan.

Apabila anda menulis teks, tekan dan tahan **Pilihan** untuk beralih antara input teks tradisional, ditandakan dengan , dan input teks ramalan, ditandakan dengan . Bukan semua bahasa disokong oleh input teks ramalan.

Huruf-huruf kecil atau besar ditandakan dengan **Abc**, **abc**, dan **ABC**.

Untuk menukar huruf besar atau huruf kecil, tekan #. Untuk menukar daripada mod huruf kepada nombor, ditandakan dengan **123**, tekan dan tahan #, dan pilih **Mod nombor**. Untuk menukar daripada mod nombor kepada huruf, tekan dan tahan #.

Untuk menetapkan bahasa penulisan, pilih **Pilihan** > **Bahasa tulisan**.

## Input teks tradisional

Tekan kekunci nombor, 2 hingga 9, berulang kali sehingga aksara yang dikehendaki muncul. Aksara yang terdapat bergantung kepada bahasa menulis yang dipilih.

Jika huruf seterusnya yang anda mahu terletak pada kekunci yang sama dengan yang sedang digunakan, tunggu sehingga kursor muncul dan masukkan huruf tersebut.

Untuk mengakses tanda baca yang paling biasa digunakan serta aksara khas, tekan **1** berulang kali. Untuk mengakses senarai aksara khas, tekan **\***.

## Input teks ramalan

Input teks ramalan adalah berdasarkan pada kamus terbina dalam yang boleh ditambahkan dengan perkataan baru.

1. Mula menulis perkataan dengan menggunakan kekunci 2 hingga 9. Tekan setiap kekunci sekali sahaja untuk satu huruf.
2. Untuk mengesahkan perkataan, tatal ke kanan atau tambah ruang.
  - Jika perkataan itu tidak betul, tekan \* berulang kali, dan pilih perkataan daripada senarai.
  - Jika aksara ? dipaparkan selepas perkataan tersebut, perkataan yang anda hendak tulis tiada di dalam kamus. Untuk menambahkan perkataan tersebut pada kamus, pilih **Menjeja**. Masukkan perkataan dengan menggunakan input teks tradisional, dan pilih **Simpan**.

- Untuk menulis perkataan majmuk, masukkan bahagian pertama perkataan, dan tekan kanan untuk mengesahkannya. Tulis bahagian akhir perkataan dan sahkan perkataan tersebut.
3. Mulakan menulis perkataan seterusnya.

# Mesej

Anda boleh membaca, menulis, menghantar dan menyimpan teks dan mesej multimedia, e-mel, audio dan mesej kilat. Perkhidmatan mesej hanya boleh digunakan jika mereka disokong oleh pembekal rangkaian atau khidmat.

## Mesej teks dan multimedia

Anda boleh membuat mesej dan melampirkan, contohnya, gambar secara pilihan. Telefon anda menukar mesej teks kepada mesej multimedia secara automatik apabila fail dilampirkan.

### Mesej teks

Peranti anda menyokong mesej teks yang melebihi had bagi sesuatu mesej. Mesej panjang dihantar sebagai dua atau lebih mesej. Pembekal khidmat anda mungkin mengenakan bayaran sewajarnya. Aksara dengan aksen atau penanda lain, dan aksara dari beberapa pilihan bahasa, menggunakan lebih banyak ruang, dan hadkan bilangan kasara yang boleh dihantar dalam satu mesej.

Penanda pada bahagian atas paparan menunjukkan jumlah bilangan aksara yang tinggal dan bilangan mesej yang diperlukan untuk penghantaran.

Sebelum anda boleh menghantar sebarang mesej teks atau e-mel SMS, anda mesti menyimpan nombor pusat mesej anda. Pilih **Menu > Mesej > Tetapan mesej > Mesej teks > Pusat mesej > Tambah pusat**, masukkan nama, dan nombor daripada pembekal khidmat.

### Mesej multimedia

Mesej multimedia boleh mengandungi teks, gambar, dan klip bunyi atau video.

Hanya peranti yang mempunyai ciri yang serasi boleh menerima dan memaparkan mesej multimedia. Tampilan mesej mungkin berbeza mengikut peranti yang menerima.

Rangkaian wayarles boleh membataskan saiz mesej MMS. Jika gambar yang dimasukkan melebihi tahap, peranti mungkin mengecilkannya supaya ia dapat dihantar oleh MMS.



**Penting:** Berhati-hati apabila membuka mesej. Mesej mungkin mengandungi perisian yang berniat jahat atau jika tidak, ia mungkin mengganggu peranti atau PC anda.

Untuk memeriksa ketersediaan dan langganan perkhidmatan mesej multimedia (MMS), hubungi pembekal khidmat anda. Anda juga boleh memuat turun tetapan tatarajah. [Lihat "Sokongan Nokia," h. 10.](#)

## Membuat mesej teks atau multimedia

1. Pilih **Menu > Mesej > Buat mesej > Mesej**.
2. Untuk menambah penerima, tatal ke medan **Kepada:** , dan masukkan nombor atau alamat e-mel penerima, atau pilih **Tambah** untuk memilih penerima daripada pilihan yang tersedia. Pilih **Pilihan** untuk menambah penerima dan subjek dan untuk menetapkan pilihan penghantaran.
3. Tatal ke medan **Teks:** , dan masukkan teks mesej.
4. Untuk melampirkan kandungan kepada mesej, tatal ke bar lampiran di bahagian bawah paparan dan pilih jenis kandungan yang dikehendaki.
5. Untuk menghantar mesej, tekan **Hantar**.

Jenis mesej ditanda di bahagian atas paparan dan bertukar secara automatik bergantung kepada kandungan mesej tersebut.

Pembekal khidmat mungkin mengenakan bayaran secara berlainan bergantung kepada jenis mesej. Semak dengan pembekal khidmat anda untuk mendapatkan butiran.

## Membaca dan membalas mesej



**Penting:** Berhati-hati apabila membuka mesej. Mesej mungkin mengandungi perisian yang berniat jahat atau jika tidak, ia mungkin mengganggu peranti atau PC anda.

Telefon anda mengeluarkan pemberitahuan apabila anda menerima mesej. Pilih **Pamer** untuk memaparkan mesej. Jika lebih daripada satu mesej diterima, untuk memaparkan mesej, pilih mesej tersebut dari Peti masuk dan **Buka**. Untuk kekunci tatal untuk melihat semua bahagian mesej.

Untuk membuat mesej jawapan, pilih **Balas**.

## Menghantar mesej

### Penghantaran mesej

Untuk menghantar mesej, pilih **Hantar**. Telefon menyimpan mesej dalam folder **Peti keluar** , dan penghantaran bermula.



**Nota:** Ikon atau teks mesej dihantar atau pada peranti anda tidak menunjukkan bahawa mesej diterima pada destinasi yang ditujukan.

Jika penghantaran mesej diganggu, telefon cuba menghantar kembali mesej beberapa kali. Jika percubaan ini gagal, mesej akan kekal dalam folder **Peti keluar**. Untuk membatalkan penghantaran mesej di dalam folder **Peti keluar**, pilih **Pilihan > Batal hantaran**.

Untuk menyimpan mesej yang dihantar dalam folder **Item dihantar**, pilih **Menu > Mesej > Tetapan mesej > Tetapan umum > Simpan mesej dihntnr..**

### Mengatur mesej anda

Telefon menyimpan mesej yang diterima dalam folder **Peti masuk**. Aturkan mesej anda dalam folder item yang disimpan.

Untuk menambah, menamakan semula, atau memadam folder, pilih **Menu > Mesej > Item disimpan > Pilihan**.

## E-mel

Akses akaun e-mel POP3 atau IMAP4 anda menggunakan telefon anda untuk membaca, menulis dan menghantar e-mel. Aplikasi e-mel ini berbeza dari fungsi e-mel SMS.

Sebelum anda boleh menggunakan e-mel, anda perlu memiliki akaun e-mel dan tetapan yang betul. Untuk memeriksa ketersediaan dan tetapan bagi akaun e-mel anda, hubungi pembekal khidmat e-mel anda. Anda mungkin menerima tetapan tatarajah e-mel sebagai mesej tatarajah. [Lihat "Perkhidmatan tetapan tatarajah," h. 8.](#)

### Wizard persediaan e-mel

Wizard tetapan akan bermula secara automatik jika tiada tetapan e-mel diberikan di dalam telefon. Untuk memulakan wizard tetapan untuk akaun e-mel tambahan, pilih **Menu > Mesej** dan akaun e-mel yang sedia ada. Pilih **Pilihan > Tambah peti mel** untuk memulakan wizard tetapan e-mel. Ikut arahan pada paparan.

### Menulis dan menghantar e-mel

Anda boleh menulis e-mel anda sebelum menyambung pada perkhidmatan e-mel.

1. Pilih **Menu > Mesej > Buat mesej > Mesej e-mel**.
2. Jika lebih daripada satu akaun e-mel telah ditetapkan, pilih akaun yang anda hendak gunakan untuk menghantar e-mel.
3. Masukkan alamat e-mel penerima, subjek, dan mesej e-mel. Untuk melampirkan fail, pilih **Pilihan > Masukkan** dan daripada pilihan yang tersedia.
4. Untuk menghantar e-mel, pilih **Hantar**.

## Membaca dan membalas e-mel



**Penting:** Berhati-hati apabila membuka mesej. Mesej mungkin mengandungi perisian yang berniat jahat atau jika tidak, ia mungkin mengganggu peranti atau PC anda.

1. Untuk memuat turun pengepala mesej e-mel, pilih **Menu** > **Mesej** dan akaun e-mel anda.
2. Untuk memuat turun e-mel dan lampirannya, pilih e-mel dan **Buka** atau **Ambil kmb**.
3. Untuk membalas atau mengirim semula e-mel, pilih **Pilihan** dan daripada pilihan yang tersedia.
4. Untuk memutuskan sambungan dari akaun e-mel, pilih **Pilihan** > **Putuskan sambungan**. Sambungan ke akaun e-mel secara automatik tamat selepas beberapa masa tanpa aktiviti.

## Pemberitahuan e-mel baru

Telefon anda boleh menyemak akaun e-mel anda secara automatik dalam selang waktu dan mengeluarkan pemberitahuan apabila e-mel baru diterima.

1. Pilih **Menu** > **Mesej** > **Tetapan mesej** > **Mesej e-mel** > **Edit peti mel**.
2. Pilih akaun e-mel anda, **Tetapan muat turun**, dan pilihan yang berikut:
  - **Slg. p'gmskini. p/mel** — untuk menetapkan berapa kerap telefon anda menyemak akaun e-mel anda untuk e-mel baru.
  - **Pengambilan auto.** — untuk mengambil e-mel baru secara automatik dari akaun e-mel anda.
3. Untuk mendayakan pemberitahuan e-mel baru, pilih **Menu** > **Mesej** > **Tetapan mesej** > **Mesej e-mel** > **P'britahu. e-mel baru** > **Aktif**.

## Mesej kilat

Mesej kilat adalah mesej teks yang dipaparkan dengan serta-merta selepas diterima.

1. Untuk menulis mesej kilat, pilih **Menu** > **Mesej** > **Buat mesej** > **Mesej kilat**.
2. Masukkan nombor telefon penerima, tulis mesej anda (maksimum 70 aksara), dan pilih **Hantar**.

## Mesej audio Nokia Xpress

Buat dan hantar mesej audio dengan menggunakan MMS dengan cara yang mudah.

1. Pilih **Menu** > **Mesej** > **Buat mesej** > **Mesej audio**. Perakam suara dibuka.
2. Rakam mesej anda. [Lihat "Perakam suara," h. 52.](#)
3. Masukkan satu atau lebih nombor telefon dalam medan **Kepada**: tersebut, atau pilih **Tambah** untuk mengambil semula nombor.
4. Untuk menghantar mesej, pilih **Hantar**.

## Mesej segera

Dengan mesej segera (IM, perkhidmatan rangkaian) anda boleh menghantar mesej teks ringkas kepada pengguna dalam talian. Anda mesti melanggan perkhidmatan dan berdaftar dengan perkhidmatan IM yang anda hendak gunakan. Periksa ketersediaan perkhidmatan ini, penentuan harga, dan arahan dengan pembekal khidmat anda. Menu mungkin berbeza-beza bergantung pada pembekal IM anda.

Untuk menyambung ke perkhidmatan, pilih **Menu** > **Mesej** > **Mesej segera** dan ikut arahan pada paparan.

## Mesej maklumat, mesej SIM, dan arahan perkhidmatan

### Mesej maklumat

Anda boleh menerima mesej mengenai pelbagai topik daripada pembekal khidmat anda (khidmat rangkaian). Untuk mendapatkan maklumat lanjut, hubungi pembekal khidmat anda.

Pilih **Menu** > **Mesej** > **Mesej maklumat** dan daripada pilihan yang tersedia.

### Arahan perkhidmatan

Arahan perkhidmatan membenarkan anda untuk menulis dan menghantar permintaan perkhidmatan (arahan USSD) kepada pembekal khidmat anda, seperti arahan pengaktifan bagi perkhidmatan rangkaian.

Untuk menulis dan menghantar permintaan perkhidmatan, pilih **Menu** > **Mesej** > **Arahan khidmat**. Untuk mendapatkan butiran, hubungi pembekal khidmat anda.

### Mesej SIM

Mesej SIM adalah mesej teks khusus yang disimpan ke kad SIM anda. Anda boleh menyalin atau memindahkan mesej tersebut ke memori telefon, tetapi tidak sebaliknya.

Untuk membaca mesej SIM, pilih **Menu** > **Mesej** > **Pilihan** > **Mesej SIM**.

## Mesej suara

Peti mel suara adalah perkhidmatan rangkaian yang anda mungkin perlu langgani. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, hubungi pembekal khidmat anda.

Untuk membuat panggilan ke peti mel suara anda, tekan dan tahan **1**.

Untuk mengedit nombor peti mel suara anda, pilih **Menu** > **Mesej** > **Mesej suara** > **No. peti mel suara**.

## Tetapan mesej

Pilih **Menu** > **Mesej** > **Tetapan mesej** dan daripada yang berikut:

- **Tetapan umum** — untuk menyimpan salinan mesej yang dihantar dalam telefon anda, untuk menulis ganti mesej lama jika memori mesej menjadi penuh, dan untuk menyediakan keutamaan lain berkaitan dengan mesej
- **Mesej teks** — untuk membenarkan laporan penghantaran, untuk menyediakan pusat mesej untuk SMS dan e-mel SMS, untuk memilih jenis sokongan aksara dan untuk menyediakan keutamaan lain berkaitan dengan mesej teks
- **Mesej multimedia** — untuk membenarkan laporan penghantaran, untuk menyediakan kemunculan mesej multimedia, untuk membenarkan penerimaan mesej multimedia dan iklan dan untuk menyediakan keutamaan lain berkaitan dengan multimedia mesej
- **Mesej e-mel** — untuk membenarkan penerimaan e-mel, untuk menetapkan saiz imej dalam e-mel dan untuk menyediakan keutamaan lain berkaitan dengan e-mel
- **Mesej perkhidmatan** — untuk mengaktifkan mesej perkhidmatan dan untuk menyediakan keutamaan yang berkaitan dengan mesej perkhidmatan


# Kenalan

Anda boleh menyimpan nama dan nombor telefon sebagai kenalan dalam memori telefon dan pada memori kad SIM serta mencari dan mendapatkannya semula untuk membuat panggilan telefon atau untuk menghantar mesej.

## Urus kenalan

### Pilih memori untuk kenalan


Memori telefon boleh menyimpan kenalan dengan butiran tambahan, seperti pelbagai nombor telefon dan item teks. Anda juga boleh menyimpan imej, nada atau klip video untuk sebilangan kenalan yang terhad.

Memori kad SIM boleh menyimpan nama dengan satu nombor telefon dilampirkan padanya. Kenalan-kenalan yang disimpan dalam memori kad SIM ditandakan dengan .

Pilih **Menu > Kenalan > Tetapan > Memori digunakan**. Apabila anda memilih **Telefon dan SIM**, kenalan akan disimpan dalam memori telefon.

### Simpan nama dan nombor

Untuk menyimpan nama dan nombor telefon, pilih **Menu > Kenalan > Tambah baru > Tamb kenalan baru**.

Nombor pertama yang disimpan ditetapkan sebagai nombor lalai secara automatik dan ia ditandakan dengan bingkai di sekeliling penunjuk jenis nombor (misalnya, ). Apabila anda memilih nama dari kenalan (contohnya, untuk membuat panggilan), nombor lalai digunakan kecuali anda memilih nombor lain.

### Mencari kenalan

Pilih **Menu > Kenalan > Nama**, dan tatal melalui senarai kenalan atau masukkan aksara pertama daripada nama kenalan.

### Tambah dan edit butiran

Untuk menambah atau menukar butiran pada kenalan, pilih kenalan dan **Butiran > Pilihan > Tambah butiran** dan daripada pilihan yang tersedia.

### Salin atau pindahkan kenalan

1. Pilih kenalan pertama untuk disalin atau dipindahkan dan **Pilihan > Tanda**.
2. Tandakan kenalan lain, dan pilih **Pilihan > Salin yang ditanda** atau **Pindah yang ditanda**.

## Salin atau pindahkan semua kenalan

Pilih **Menu** > **Kenalan** > **Salin kenalan** atau **Pindah kenalan**.

## Padam kenalan

Pilih kenalan dan **Pilihan** > **Padam kenalan**.

Untuk memadam semua kenalan, pilih **Menu** > **Kenalan** > **Pdm semua knln.** > **Drpd. memori telefon** atau **Daripada kad SIM**.

Untuk memadam nombor, teks item, atau imej yang dilampirkan ke kenalan, cari kenalan, dan pilih **Butiran**. Tatal ke butiran yang dikehendaki, pilih **Pilihan** > **Padam** dan daripada pilihan yang tersedia.

## Buat kumpulan kenalan

Susun kenalan menjadi kumpulan yang lebih kecil dengan nada dering dan imej kumpulan yang berbeza.

1. Pilih **Menu** > **Kenalan** > **Kumpulan**.
2. Untuk membuat kumpulan baru, pilih **Tambah** atau **Pilihan** > **Tambah kump. baru**.
3. Masukkan nama kumpulan, pilih imej dan nada dering jika anda hendak menambahnya pada kumpulan dan pilih **Simpan**.
4. Pilih kumpulan dan **Pamer** > **Tambah** untuk menambah kenalan pada kumpulan.

## Kad niaga

Anda boleh menghantar dan menerima maklumat kenalan seseorang dari peranti yang serasi yang menyokong piawai vCard.

Untuk menghantar kad niaga, cari kenalan, dan pilih **Butiran** > **Pilihan** > **Hantar kad niaga**.

Apabila anda telah menerima kad niaga, pilih **Tunjuk** > **Simpan** untuk menyimpan kad niaga dalam memori telefon.

## Beri pintasan dailan

Buat pintasan dengan memberi nombor telefon ke kekunci nombor 2–9.

1. Pilih **Menu** > **Kenalan** > **Dail cepat**, dan tatal ke nombor kekunci.
2. Pilih **Berikan**, atau, jika nombor telah diberi pada kekunci, pilih **Pilihan** > **Tukar**.
3. Masukkan nombor atau cari kenalan.

## Log panggilan

Untuk melihat maklumat mengenai panggilan, mesej, data dan penyegerakan anda, pilih **Menu** > **Log** daripada pilihan yang tersedia.



**Nota:** Invois sebenar panggilan dan perkhidmatan dari pembekal khidmat anda mungkin berbeza bergantung kepada ciri rangkaian, pembundaran bil, cukai dan sebagainya.

## Log kedudukan

Rangkaian mungkin menghantar kepada anda permintaan kedudukan (perkhidmatan rangkaian). Hubungi pembekal khidmat anda untuk melanggan untuk menyetujui penghantaran maklumat kedudukan.

Untuk menerima atau menolak permintaan kedudukan, pilih **Terima** atau **Tolak**. Jika anda terlepas permintaan, telefon akan menerima atau menolaknya secara automatik mengikut apa yang telah anda persetujui bersama operator rangkaian atau pembekal khidmat.

Untuk melihat maklumat pada 10 pemberitahuan dan permintaan privasi yang terbaru, pilih **Menu** > **Log** > **M'gesan k'ddkan** > **Log kedudukan**.

## Kesambungan

Telefon anda menyediakan beberapa ciri untuk menyambung ke peranti lain bagi menghantar dan menerima data.

### Teknologi wayarles Bluetooth


Teknologi Bluetooth membolehkan anda menyambungkan telefon anda, kepada peranti Bluetooth yang serasi dalam jarak 10 meter (32 kaki) dengan menggunakan gelombang radio.

Peranti ini serasi dengan Spesifikasi Bluetooth 2.1 + EDR menyokong profil berikut: akses SIM, tolak objek, pemindahan fail, rangkaian dailan, alat dengar, bebas tangan, akses generik, port siri, pertukaran objek generik, pengedaran audio lanjutan, kawalan jauh video audio, dan pengedaran audio/video generik. Untuk memastikan keantarakendalian antara peranti-peranti lain yang menyokong teknologi Bluetooth, gunakan aksesori Nokia yang diluluskan untuk model ini. Periksa dengan pembuat peranti lain untuk menentukan keserasiannya dengan peranti ini.

Ciri yang menggunakan teknologi Bluetooth meningkatkan permintaan kuasa bateri dan mengurangkan hayat bateri.

#### Menyediakan sambungan Bluetooth

Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Kesambungan** > **Bluetooth** dan ambil langkah-langkah berikut:

1. Pilih **Nama telefon saya** dan masukkan nama bagi telefon anda.
2. Untuk mengaktifkan kesambungan Bluetooth pilih **Bluetooth** > **Aktif**.  menandakan kesambungan Bluetooth adalah aktif.
3. Untuk menyambung telefon anda ke aksesori audio, pilih **Smbg ke aksri audio** dan peranti yang anda hendak sambungkan.
4. Untuk menjadikan telefon anda berpasangan dengan sebarang peranti Bluetooth dalam jarak lingkungan, pilih **Peranti yg berpasang** > **Tmbh peranti baru**.

Tatal ke peranti yang dikehendaki dan pilih **Tambah**.

Masukkan kod laluan (sehingga 16 aksara) pada telefon anda dan benarkan sambungan pada peranti Bluetooth yang satu lagi.

Jika anda bimbang tentang keselamatan, matikan fungsi Bluetooth, atau tetapkan **K'bolhlihatan tel saya** ke **Tersembunyi**. Terima komunikasi Bluetooth hanya daripada mereka yang anda percayai.

#### Sambungan PC pada internet

Gunakan teknologi Bluetooth untuk menyambung PC serasi anda ke internet tanpa perisian PC Suite. Telefon anda mesti mengaktifkan pembekal khidmat yang menyokong akses internet dan PC anda mesti

menyokong teknologi Bluetooth. Selepas menyambungkan ke perkhidmatan pusat akses rangkaian (NAP) telefon dan berpasangan dengan PC anda, telefon anda membuka sambungan data paket secara automatik ke internet.

## Data paket

Perkhidmatan radio paket umum (General packet radio service, GPRS) adalah perkhidmatan rangkaian yang membolehkan telefon bimbit menghantar dan menerima data melalui rangkaian berasaskan protokol internet (IP).

Untuk menentukan cara menggunakan perkhidmatan ini, pilih **Menu > Tetapan > Kesambungan > Data paket > Sambgn. data paket** dan daripada pilihan yang berikut:

- **Apabila diperlukan** — untuk menetapkan sambungan data paket agar diwujudkan apabila diperlukan oleh sesuatu aplikasi. Sambungan akan dipotong apabila aplikasi ditutup.
- **Sentiasa bertalian** — untuk menyambungkan secara automatik kepada rangkaian data paket semasa anda menghidupkan telefon.

Anda boleh menggunakan telefon anda sebagai modem dengan menyambungkannya ke PC yang serasi dengan menggunakan teknologi Bluetooth atau kabel data USB. Untuk mendapatkan butiran, lihat dokumentasi Nokia PC Suite. [Lihat "Sokongan Nokia," h. 10.](#)

## Kabel data USB

Anda boleh menggunakan kabel data USB untuk memindahkan data antara telefon dan PC atau pencetak yang menyokong PictBridge.

Untuk mengaktifkan telefon untuk pemindahan data atau mencetak imej, sambungkan kabel data dan pilih mod:

- **Tya k'tka m'ybg** — untuk menetapkan telefon anda supaya bertanya sama ada sambungan harus diwujudkan
- **PC Suite** — untuk menggunakan kabel bagi PC Suite.
- **Pencetakan & media** — untuk menggunakan telefon dengan pencetak serasi PictBridge atau dengan PC serasi.
- **Simpanan data** — untuk menyambung ke PC yang tidak mempunyai perisian Nokia dan menggunakan telefon sebagai penyimpanan data

Untuk menukar mod USB, pilih **Menu > Tetapan > Kesambungan > Kabel data USB** dan mod USB yang dikehendaki.

## Penyegerakan dan sandaran

Pilih **Menu > Tetapan > Pygrkn & sandrn.** dan daripada yang berikut:

- **Sandaran** — Buat sandaran bagi data peribadi anda pada pelayan Nokia. Sebelum anda memulakan sandaran, anda perlu menyediakan akaun My Nokia anda. Pilih **Sambung**, dan anda akan dipandu sepanjang proses itu.
- **Tukar telefon** — Segerakkan atau salin data yang dipilih antara telefon anda dan telefon lain dengan menggunakan teknologi Bluetooth.
- **Buat sandaran** — Buat sandaran bagi data yang dipilih ke kad memori atau ke peranti luaran.
- **S/smla sandaran** — Pilih fail sandaran yang disimpan pada kad memori atau pada peranti luaran dan simpannya semula pada telefon. Pilih **Pilihan** > **Butiran** untuk mendapatkan maklumat mengenai fail sandaran yang dipilih.
- **Pemindahn data** — Segerakkan atau salin data yang dipilih antara telefon anda dan peranti lain, PC atau pelayan rangkaian (perkhidmatan rangkaian).

## Nokia PC Suite

Dengan Nokia PC Suite, anda boleh mengurus muzik, menyegerakkan kenalan, kalendar, nota dan nota tugas antara telefon anda dan PC yang serasi atau pelayan internet jauh (perkhidmatan rangkaian). Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut dan PC Suite pada tapak web Nokia.

[Lihat "Sokongan Nokia," h. 10.](#)

## Tetapan Profil

Telefon anda mempunyai pelbagai kumpulan tetapan yang disebut profil, yang anda boleh suaikan dengan nada dering bagi acara dan persekitaran yang berbeza.

Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Profil**, profil yang dikehendaki, dan daripada pilihan yang berikut:

- **Aktifkan** — untuk mengaktifkan profil yang dipilih.
- **Pilihan sendiri** — untuk mengubah tetapan profil.
- **Ditetapan masa** — untuk menetapkan profil supaya menjadi aktif buat tempoh masa yang tertentu. Apabila masa yang ditetapkan untuk profil tamat tempohnya, profil yang sebelumnya yang tidak ditetapkan masa, menjadi aktif.

## Tema

Tema mengandungi unsur untuk memperibadikan telefon anda.

Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Tema** dan daripada pilihan berikut:

- **Pilih tema** — Buka folder **Tema**, dan pilih satu tema.
- **Muat turun tema** — Buka senarai pautan untuk memuat turun lebih banyak tema.

## Nada

Anda boleh menukar tetapan-tetapan nada profil aktif yang dipilih.

Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Nada**. Anda boleh mendapatkan tetapan yang sama dalam menu **Profil**.

Jika anda memilih tahap nada dering yang tertinggi, nada dering mencapai tahapnya yang tertinggi setelah beberapa saat.

## Lampu

Untuk mengaktifkan atau menyahaktifkan kesan lampu yang dikaitkan dengan fungsi telefon yang berlainan, pilih **Menu** > **Tetapan** > **Lampu**.

## Paparan

Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Paparan** dan daripada yang berikut:

- **Gambar latar** — untuk menambah imej latar belakang bagi mod siap sedia
- **Skrin rumah** — untuk mengaktifkan, mengatur dan memperibadikan mod skrin utama

- **Warna fon siap sedia** — untuk memilih warna fon bagi skrin laman utama
- **Ikon k'kunci navigasi** — untuk memaparkan ikon pintasan kekunci tatal dalam mod siap sedia apabila mod skrin laman utama dimatikan
- **Butiran p'beritahuan** — untuk memaparkan butiran dalam pemberitahuan panggilan tidak dijawab dan pemberitahuan mesej
- **Animasi lipatan** — untuk memaparkan animasi dan membunyikan nada apabila anda membuka atau menutup lipatan
- **Saiz fon** — untuk menetapkan saiz fon bagi mesej, kenalan, dan halaman web
- **Logo operator** — untuk memaparkan logo operator
- **Paparan maklumt. sel** — untuk memaparkan pengenalan sel, jika tersedia dari rangkaian

## Tarikh dan masa

Untuk menukar jenis jam, masa, zon masa atau tarikh, pilih **Menu** > **Tetapan** > **Tarikh dan masa**.

Semasa merantau ke zon masa yang berlainan, pilih **Menu** > **Tetapan** > **Tarikh dan masa** > **Ttpan. tarikh & masa** > **Zon masa:**, dan tatal ke kiri atau ke kanan untuk memilih zon masa lokasi anda. Masa dan tarikh ditetapkan mengikut zon masa dan membolehkan telefon anda memaparkan masa penghantaran yang betul bagi mesej teks atau multimedia yang diterima.

Sebagai contoh, GMT +8 menandakan zon masa bagi Singapura, Malaysia, dan Filipina, 8 jam timur daripada Greenwich/London (UK).

## Pintasan saya

Dengan pintasan peribadi, anda mendapatkan akses cepat ke fungsi-fungsi telefon yang kerap digunakan.

### Kekunci pilihan kiri dan kanan

Untuk menukar fungsi yang diperuntukkan kepada kekunci pilihan kiri atau kanan, pilih **Menu** > **Tetapan** > **Pintasan saya** > **Kekunci pilihan kiri** atau **K'kunci pilihan kanan** dan fungsi yang dikehendaki.

Dalam mod siap sedia, jika kekunci pilihan kiri adalah **Pergi ke**, untuk mengaktifkan sesuatu fungsi, pilih **Pergi ke** > **Pilihan** dan daripada pilihan yang berikut:

- **Pilih pilihan** — untuk menambahkan atau mengalihkan fungsi
- **Atur** — untuk menyusun semula fungsi

### Pintasan lain

Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Pintasan saya** dan daripada yang berikut:

- **Kekunci navigasi** — untuk menguntukkan fungsi lain daripada senarai yang dipratetapkan ke kekunci navigasi (kekunci tatal).
- **Kekunci Skrin rumah** — untuk memilih pergerakan kekunci navigasi untuk mengaktifkan mod skrin laman utama

## Panggilan

Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Panggilan** dan daripada yang berikut:

- **Alih panggilan** — untuk mengalihkan panggilan masuk anda (perkhidmatan rangkaian). Anda mungkin tidak dapat mengalihkan panggilan anda jika beberapa fungsi sekatan panggilan sedang aktif. [Lihat "Keselamatan," h. 43.](#)
- **Jwb guna sbrg. kknci** — untuk menjawab panggilan masuk dengan menekan sebentar sebarang kekunci, kecuali kekunci kuasa, kekunci pilihan kiri dan kanan, atau kekunci tamat.
- **Dail s'mla automatik** — untuk mendail semula nombor secara automatik sekiranya panggilan tidak berjaya. Telefon cuba memanggil nombor tersebut sebanyak 10 kali.
- **Kejelasan suara** — untuk menambah kejelasan pertuturan terutamanya dalam persekitaran yang bising
- **Dail cepat** — untuk mendail nama dan nombor telefon yang diuntukkan pada kekunci nombor (2-9) dengan menekan dan menahan kekunci nombor yang sepadan
- **Panggilan menanti** — agar rangkaian memberitahu anda tentang panggilan masuk semasa anda sedang melayani panggilan lain (perkhidmatan rangkaian)
- **Paparan tempoh pglIn** — untuk memaparkan tempoh panggilan yang sedang berlangsung
- **Ringkasan slps. pglIn.** — untuk memaparkan tempoh anggaran sebentar setelah setiap panggilan
- **Htr id'titi pmggl. saya** — untuk menunjukkan nombor telefon anda kepada orang yang sedang anda hubungi (perkhidmatan rangkaian). Untuk menggunakan tetapan yang telah dipersetujui bersama pembekal khidmat anda, pilih **Ditetapan rangkaian**.
- **Talian utk. pgl. keluar** — untuk memilih talian telefon untuk membuat panggilan, jika kad SIM anda menyokong berbilang talian telefon (perkhidmatan rangkaian)
- **Jwb. apb. lipat. buka** — untuk menjawab atau menamatkan panggilan dengan membuka atau menutup lipatan

## Telefon

Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Telefon** dan daripada yang berikut:


- **Tetapan bahasa** — untuk menetapkan bahasa telefon anda, pilih **Bahasa telefon** dan bahasa. Untuk menetapkan bahasa telefon anda menurut maklumat pada kad SIM, pilih **Bahasa telefon > Automatik**.
- **Taraf memori** — untuk menyemak penggunaan memori.
- **Kawal kekunci auto.** — untuk mengunci pad kekunci secara automatik selepas tundaan masa yang dipratetapkan apabila telefon berada dalam mod siap sedia dan tiada fungsi telefon telah digunakan
- **Kawal k'ncni k'slmtan** — untuk meminta kod keselamatan apabila anda membuka kunci kawal kekunci.
- **Pengecaman suara** — [Lihat "Arahan suara," h. 41.](#)
- **Pertanyaan p'nrbngn.** — agar ditanya sama ada untuk menggunakan mod penerbangan apabila anda menghidupkan telefon. Dengan mod penerbangan, semua hubungan radio akan dipadam.
- **Kemas kini telefon** — untuk menerima kemas kinian perisian daripada pembekal khidmat anda (perkhidmatan rangkaian). Pilihan ini mungkin tidak tersedia, bergantung kepada telefon anda. [Lihat "Kemas kini perisian melalui udara," h. 43.](#)
- **Pilihan operator** — untuk menetapkan rangkaian selular yang tersedia di kawasan anda.
- **Aktifkn teks bantuan** — untuk memilih sama ada telefon memaparkan teks bantuan.
- **Nada permulaan** — untuk memainkan nada apabila anda menghidupkan telefon
- **M'gndali p'ntpn lipat.** — untuk memilih kelakuan telefon apabila lipatan ditutup
- **Sahkan tindakan SIM** — (perkhidmatan rangkaian) [Lihat "Perkhidmatan SIM," h. 63.](#)

## Arahan suara

Buat panggilan kepada kenalan dan guna telefon anda dengan memberi arahan suara.

Arahan suara bergantung kepada bahasa. Untuk menetapkan bahasa, pilih **Menu > Tetapan > Telefon > Tetapan bahasa > Bahasa telefon** dan bahasa anda.

Untuk melatih pengecaman suara telefon anda kepada suara anda, pilih **Menu > Tetapan > Telefon > Pengecaman suara > Latihn p'gecamn s'ra.**

Untuk mengaktifkan arahan suara untuk sesuatu fungsi, pilih **Menu > Tetapan > Telefon > Pengecaman suara > Arahan suara**, cari dan fungsi tersebut.  menandakan bahawa arahan suara diaktifkan.

Untuk mengaktifkan arahan suara, pilih **Tambah**. Untuk memainkan arahan suara yang telah diaktifkan, pilih **Main**.

Untuk menggunakan arahan suara, lihat ["Dailan suara", h. 21.](#)

Untuk menguruskan arahan suara, tatal ke fungsi dan pilih **Pilihan** dan daripada yang berikut:

- **Edit** atau **Keluarkan** — untuk menamakan semula atau menyahaktifkan arahan suara
- **Tambah semua** atau **Keluarkan semua** — untuk mengaktifkan atau menyahaktifkan arahan suara bagi semua fungsi dalam senarai arahan suara

## Aksesori

Menu ini dan pelbagai pilihannya dipaparkan hanya jika telefon sedang atau telah disambungkan pada aksesori mudah alih yang serasi.

Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Aksesori**. Pilih aksesori dan pilihan yang bergantung pada aksesori.

## Tatarajah

Anda boleh menatarajahkan telefon anda dengan tetapan yang diperlukan untuk perkhidmatan tertentu. Pembekal khidmat anda juga mungkin menghantar tetapan ini kepada anda. [Lihat "Perkhidmatan tetapan tatarajah," h. 8.](#)

Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Tatarajah** dan daripada pilihan berikut:

- **Ttpn. tatarajah lalai** — untuk memaparkan pembekal khidmat yang disimpan di dalam telefon dan menetapkan pembekal khidmat lalai
- **Akt. lalai dlm sma apl** — untuk mengaktifkan tetapan tatarajah lalai untuk aplikasi yang disokong
- **Pusat aks. diutamakan** — untuk melihat pusat-pusat akses yang disimpan.
- **Sambung ke bantuan** — untuk memuat turun tetapan tatarajah daripada pembekal khidmat anda
- **Ttpn p'gurus. peranti** — untuk membolehkan atau menghalang telefon daripada menerima kemas kini perisian. Pilihan ini mungkin tidak tersedia, bergantung kepada telefon anda. [Lihat "Kemas kini perisian melalui udara," h. 43.](#)
- **Ttpn tatarajah pribadi** — untuk menambah akaun peribadi baru secara manual untuk pelbagai perkhidmatan dan untuk mengaktifkan atau memadamnya. Untuk menambah akaun peribadi baru, pilih **Tambah**, atau **Pilihan** > **Tambah baru**. Pilih jenis perkhidmatan, dan masukkan parameter yang diperlukan. Untuk mengaktifkan akaun peribadi, tatal kepadanya, dan pilih **Pilihan** > **Aktifkan**.

## Kemas kini perisian melalui udara

Pembekal khidmat anda boleh menghantar kemas kini perisian telefon melalui udara kepada telefon anda (perkhidmatan rangkaian). Pilihan ini mungkin tidak tersedia, bergantung kepada telefon anda.

Memuat turun kemas kini perisian mungkin melibatkan penghantaran jumlah data yang besar melalui rangkaian pembekal khidmat anda. Hubungi pembekal khidmat anda untuk mendapatkan maklumat tentang caj pemindahan data.

Pastikan bateri peranti anda mempunyai kuasa yang mencukupi atau sambungkan pengecas sebelum memulakan kemas kini.



**Amaran:** Jika anda memasang kemas kini perisian, anda tidak boleh menggunakan peranti, walaupun untuk membuat panggilan kecemasan, sehingga pemasangan selesai dan peranti dimulakan semula. Pastikan anda membuat sandaran data sebelum menerima pemasangan kemas kini.

### Tetapan kemas kini perisian

Pilihan ini mungkin tidak tersedia, bergantung kepada telefon anda.

Untuk membenarkan atau tidak membenarkan kemas kini perisian dan tatarajah, pilih **Menu > Tetapan > Tatarajah > Ttpn p'gurus. peranti > K/kini p'risian p/khid.**

### Meminta kemas kini perisian

1. Pilih **Menu > Tetapan > Telefon > Kemas kini telefon** untuk meminta kemas kini perisian yang tersedia daripada pembekal khidmat anda.
2. Pilih **Butir. p'risian semasa** untuk memaparkan versi perisian semasa dan memeriksa sama ada kemas kini diperlukan.
3. Pilih **M/turun perisian tel.** untuk memuat turun dan memasang kemas kini perisian. Ikut arahan pada paparan.
4. Jika pemasangan dibatalkan selepas muat turun, pilih **Psng. k/kini perisian** untuk memulakan pemasangan.

Kemas kini perisian boleh mengambil masa beberapa minit. Jika terdapat masalah dengan pemasangan, hubungi pembekal khidmat anda.

## Keselamatan

Apabila ciri keselamatan yang membataskan panggilan sedang digunakan (seperti sekatan panggilan, kumpulan pengguna tertutup dan dail tetap), panggilan masih boleh dibuat ke nombor kecemasan rasmi yang diprogram ke dalam peranti anda.

Pilih **Menu > Tetapan > Keselamatan** dan daripada yang berikut:

- **Permintaan kod PIN** atau **Permintaan kod UPIN** — untuk meminta kod PIN atau UPIN anda setiap kali telefon dihidupkan. Sesetengah kad SIM tidak membenarkan permintaan kod dinyahaktifkan.
- **Khidmat sekat pgn.** — untuk menyekat panggilan masuk dan panggilan keluar daripada telefon anda (perkhidmatan rangkaian). Kata laluan sekatan diperlukan.
- **Dail tetap** — untuk menyekat panggilan keluar anda kepada nombor telefon yang terpilih, jika disokong oleh kad SIM anda. Apabila dailan tetap sedang berjalan, sambungan GPRS tidak dapat dijalankan kecuali semasa menghantar mesej teks melalui sambungan GPRS. Dalam kes ini, nombor telefon penerima dan nombor pusat mesej mesti disertakan dalam senarai dailan tetap.
- **Kump. p'guna terhad** — untuk menentukan sekumpulan orang yang boleh anda panggil dan yang boleh memanggil anda (perkhidmatan rangkaian)
- **Tahap keselamatan** — untuk meminta kod keselamatan setiap kali kad SIM baru dimasukkan ke dalam telefon, pilih **Telefon**. Untuk meminta kod keselamatan apabila memori kad SIM dipilih, dan anda hendak menukar memori yang sedang digunakan, pilih **Memori**.
- **Kod akses** — untuk menukar kod keselamatan, kod PIN, kod UPIN, kod PIN2, atau kata laluan sekatan.
- **Permintaan kod PIN2** — untuk memilih sama ada kod PIN2 diperlukan apabila menggunakan ciri telefon tertentu yang dilindungi oleh kod PIN2. Sesetengah kad SIM tidak membenarkan permintaan kod dinyahaktifkan.
- **Kod digunakan** — untuk memilih jenis kod PIN
- **Sijil kuasa** atau **Sijil pengguna** — untuk melihat senarai sijil kuasa atau sijil pengguna yang dimuat turun ke dalam telefon anda. [Lihat "Keselamatan penyemak imbas," h. 61.](#)
- **Ttpn modul k'selamtn** — untuk melihat **Butir. modul kslmtn.**, mengaktifkan **P'mintaan PIN modul**, atau menukar PIN modul dan PIN tandatangan. [Lihat "Kod akses," h. 8.](#)

## Simpan semula tetapan kilang

Untuk menyimpan semula telefon kembali kepada keadaan kilang, pilih **Menu > Tetapan > S/smla ttp kilang** dan daripada yang berikut:

- **Smpn semula ttpn shj** — Tetapkan semula semua tetapan keutamaan tanpa memadam sebarang data peribadi.
- **Simpan semula smua** — Tetapkan semula semua tetapan keutamaan dan padam semua data peribadi, seperti kenalan, mesej, fail media dan kunci pengaktifan.

## **Menu operator**

Mengakses portal kepada perkhidmatan yang dibekalkan oleh operator rangkaian anda. Untuk maklumat lanjut, hubungi operator rangkaian anda. Operator boleh mengemas kini menu ini dengan satu mesej perkhidmatan.

## Galeri

Urus imej, klip video, fail muzik, tema, grafik, nada, rakaman dan fail yang diterima. Fail ini disimpan dalam memori telefon atau pada kad memori dan boleh disusun dalam folder.

### Folder dan fail

Untuk melihat senarai folder, pilih **Menu** > **Galeri**. Untuk melihat senarai fail dalam folder, pilih folder dan **Buka**. Untuk melihat folder kad memori semasa menggerakkan fail, tatal ke kad memori, dan tekan kekunci tatal kanan.

### Cetak imej

Telefon anda menyokong Nokia XPressPrint untuk mencetak imej dalam format jpeg.

1. Untuk menyambungkan telefon anda kepada pencetak yang serasi, gunakan kabel data atau hantar imej melalui Bluetooth ke pencetak yang menyokong teknologi Bluetooth. [Lihat "Teknologi wayarles Bluetooth," h. 35.](#)
2. Pilih imej yang ingin anda cetak dan **Pilihan** > **Cetak**.

### Kongsi imej dan video dalam talian

Kongsi imej dan klip video dalam perkhidmatan perkongsian dalam talian yang serasi pada web.

Untuk menggunakan perkongsian dalam talian, anda mesti melanggan perkhidmatan perkongsian dalam talian (perkhidmatan rangkaian).

Untuk memuat naik imej atau klip video pada perkhidmatan perkongsian dalam talian, pilih fail dari Galeri, **Pilihan** > **Hantar** > **M/naik ke web**, dan perkhidmatan perkongsian dalam talian.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkongsian dalam talian dan pembekal khidmat yang serasi, lihat halaman sokongan produk Nokia atau tapak web Nokia tempatan anda.

Anda boleh melihat muat naik pada halaman internet perkhidmatan perkongsian dalam talian pada peranti anda. [Lihat "Muat naik Web," h. 60.](#)


### Kad memori

Gunakan kad memori untuk menyimpan fail multimedia seperti klip video, trek muzik, fail bunyi, imej dan data mesej.


Beberapa folder dalam **Galeri** dengan kandungan yang digunakan telefon (contohnya, **Tema**) mungkin disimpan pada kad memori.

### Format kad memori

Sesetengah kad memori dibekalkan dalam keadaan sudah diformat dan yang lain pula perlu diformat. Apabila anda memformat kad memori, semua data pada kad hilang dengan kekal.

1. Untuk memformat kad memori, pilih **Menu** > **Galeri** atau **Aplikasi**, kad folder memori , dan **Pilihan** > **Format kad memori** > **Ya**.
2. Apabila pemformatan telah selesai, masukkan nama bagi kad memori.


### Kunci kad memori

Untuk menetapkan kata laluan (maksimum 8 aksara) untuk mengunci kad memori anda daripada penggunaan yang tidak dibenarkan, pilih folder kad memori  dan **Pilihan** > **Tetapkan kata laluan**.

Kata laluan disimpan di dalam telefon anda dan anda tidak perlu memasukkannya lagi semasa anda menggunakan kad memori pada telefon yang sama. Jika anda mahu menggunakan kad memori pada peranti lain, anda diminta memberikan kata laluan.

Untuk memadam kata laluan, pilih **Pilihan** > **Padam kata laluan**.

### Menyemak penggunaan memori

Untuk memeriksa penggunaan memori daripada kumpulan data yang berbeza dan memori yang tersedia untuk memasang perisian baru pada kad memori anda, pilih kad memori  dan **Pilihan** > **Butiran**.

# Media

## Kamera dan video

Mengambil gambar atau merakam klip video dengan kamera terbina dalam.

### Mengambil gambar

Untuk menggunakan fungsi gambar pegun, pilih **Menu > Media > Kamera**; atau, jika fungsi video dihidupkan, tatal ke kiri atau kanan.

Untuk mengezum masuk dan keluar dalam mod kamera, tatal ke atas dan bawah, atau tekan kekunci kelantangan.

Untuk mengambil gambar, pilih **Tangkap**. Telefon menyimpan gambar pada kad memori, jika tersedia, atau dalam memori telefon.

Pastikan jarak yang selamat apabila menggunakan denyar. Jangan gunakan denyar pada orang atau haiwan pada jarak dekat. Jangan tutup denyar ketika mengambil gambar.

Untuk mengambil semua gambar dengan denyar kamera, pilih **Pilihan > Denyar > Denyar aktif**; atau untuk mengaktifkan denyar secara automatik apabila keadaan cahaya malap, pilih **Automatik**.

Untuk memaparkan gambar serta merta setelah anda mengambilnya, pilih **Pilihan > Tetapan > Masa pratonton imej** dan masa pratontonnya. Semasa pratonton, untuk mengambil gambar lain, pilih **Balik**, atau untuk menghantar gambar ke peranti lain atau ke perkhidmatan yang tersedia, pilih **Pilihan > Hantar** dan daripada pilihan yang tersedia.

Peranti anda menyokong resolusi tangkapan imej sehingga 1600x1200 piksel.

### Merakam klip video

Untuk mengaktifkan fungsi video, pilih **Menu > Media > Video**; atau, jika fungsi kamera dihidupkan, tatal ke kiri atau kanan.

Untuk memulakan rakaman video, pilih **Rakam**; untuk menjedakan rakaman, pilih **Jeda**; untuk menyambung semula rakaman, pilih **Teruskan**; untuk menghentikan rakaman, pilih **Henti**.

Peranti anda menyokong resolusi video sebanyak 176x144 piksel dan menyimpan klip video pada kad memori, jika tersedia atau dalam memori telefon.

### Pilihan kamera dan video

Untuk menggunakan penapis, pilih **Pilihan > Kesan**.

Untuk menyesuaikan kamera pada keadaan cahaya, pilih **Pilihan > Imbangan putih**.

Untuk menukar tetapan kamera dan video lain dan untuk memilih penyimpan imej dan video, pilih **Pilihan > Tetapan**.

## Pemain media

Telefon anda merangkumi pemain media untuk mendengar lagu dan menonton klip video. Fail muzik dan video yang disimpan dalam folder muzik dalam memori telefon atau pada kad memori dikesan secara automatik dan ditambah pada pustaka muzik.

Untuk membuka pemain media, pilih **Menu > Media > Pemain media**.

## Menu muzik

Akses fail muzik dan video anda yang disimpan dalam memori telefon atau pada kad memori, muat turun klip muzik atau video daripada web, atau lihat strim video yang serasi daripada pelayan rangkaian (perkhidmatan rangkaian).

Untuk mendengar muzik atau memainkan klip video, pilih fail daripada folder yang tersedia dan **Main**.

Untuk memuat turun fail daripada web, pilih **Pilihan > Muat turun** dan tapak muat turun.

Untuk mengemas kini pustaka muzik setelah anda menambah fail, pilih **Pilihan > K/kini pustaka**.

## Buat senarai main

Untuk membuat senarai main dengan pilihan muzik anda, lakukan yang berikut:

1. Pilih **Senarai main > Buat senarai main**, dan masukkan nama senarai main.
2. Tambah klip muzik atau video dari senarai yang dipaparkan.
3. Pilih **Selesai** untuk menyimpan senarai main.

## Tatarajah perkhidmatan penstriman

Anda mungkin menerima tetapan penstriman sebagai mesej tatarajah daripada pembekal khidmat. [Lihat "Perkhidmatan tetapan tatarajah," h. 8](#). Anda juga boleh memasukkan tetapan secara manual. [Lihat "Tatarajah," h. 42](#).

Untuk mengaktifkan tetapan, lakukan yang berikut:

1. Pilih **Pilihan > Muat turun > Tetapan menstrim > Tatarajah**.
2. Pilih pembekal khidmat, **Lalai**, atau **Tatarajah peribadi** untuk menstrim.

- Pilih **Akaun** dan akaun perkhidmatan strim daripada tetapan tatarajah yang aktif.

## Mainkan lagu



**Amaran:** Mendengar muzik pada tahap sederhana. Pendedahan kepada kelantangan yang tinggi secara terus-menerus boleh merosakkan pendengaran anda. Jangan memegang peranti dekat dengan telinga anda apabila pembesar suara digunakan kerana kelantangan mungkin terlampau kuat.

Untuk melaraskan tahap kelantangan, tekan kekunci kelantangan.

Kendalikan pemain dengan kekunci maya pada paparan.

Untuk memainkan, pilih ▶.

Untuk menjedakan main, pilih ||.

Untuk melangkau ke lagu seterusnya, pilih ►►. Untuk melangkau ke permulaan lagu sebelumnya, pilih ◀◀ dua kali.

Untuk memaju cepat lagu semasa, tekan dan tahan ►►. Untuk memutar semula lagu semasa, pilih dan tahan ◀◀. Lepaskan kekunci pada kedudukan yang anda kehendaki untuk menyambung main semula muzik.

Untuk beralih ke menu muzik, pilih ≡ pada paparan.

Untuk bertukar ke senarai main semasa, pilih (••) pada paparan.

Untuk menutup menu pemain media dan untuk meneruskan main balik muzik di latar belakang, tekan kekunci tamat.

Untuk menghentikan pemain media, tekan dan tahan kekunci tamat.

## Tukar penampilan pemain media

Telefon anda menyediakan beberapa tema untuk menukar rupa pemain media.

Pilih **Menu > Media > Pemain media > Pgi ke Pmain Mdia > Pilihan > Tetapan > Tema pemain media** dan satu daripada tema yang tersenarai. Kekunci maya boleh berubah bergantung kepada tema.

## Radio

Radio FM bergantung pada antena selain daripada antena peranti wayarles. Alat dengar atau tambahan yang serasi perlu dipasang pada peranti supaya radio FM dapat berfungsi dengan betul.



**Amaran:** Mendengar muzik pada tahap sederhana. Pendedahan kepada kelantangan yang tinggi secara terus-menerus boleh merosakkan

pendengaran anda. Jangan memegang peranti dekat dengan telinga anda apabila pembesar suara digunakan kerana kelantangan mungkin terlampau kuat.

Pilih **Menu > Media > Radio**.





Untuk melaraskan paras kelantangan, tekan kekunci kelantangan telefon.

Untuk menggunakan kekunci grafik pada paparan, tatal ke atas, ke bawah, ke kiri atau ke kanan.

Untuk mematikan radio, tekan dan tahan kekunci tamat.

## Menala ke stesen radio



### Cari dan simpan stesen

1. Untuk memulakan carian, pilih dan tahan  atau . Untuk menukar frekuensi radio dalam langkah 0.05 MHz, tekan  atau  untuk seketika.
2. Untuk menyimpan stesen pada lokasi memori, pilih **Pilihan > Simpan saluran**.
3. Untuk memasukkan nama stesen radio, pilih **Pilihan > Saluran > Pilihan > Nama semula**.

Pilih **Pilihan** dan daripada yang berikut:

- **Cari semua saluran** — untuk mencari secara automatik stesen yang tersedia di lokasi anda
- **Tetap frekuensi** — untuk memasukkan frekuensi stesen radio yang diinginkan
- **Direktori stesen** — untuk mengakses laman web dengan senarai stesen radio
- **Saluran** — untuk menyenaraikan, mengatur, menamakan semula atau memadam stesen yang disimpan

### Ubah stesen

Pilih  atau , atau tekan kekunci nombor yang sepadan dengan nombor stesen dalam senarai stesen.

## Tetapan radio

Pilih **Pilihan > Tetapan** dan daripada yang berikut:

- **RDS** — untuk memilih sama ada untuk memaparkan maklumat daripada sistem data radio
- **Frekuensi-auto** — untuk mendayakan penukaran automatik ke frekuensi stesen yang ditala yang mempunyai penerimaan yang terbaik (tersedia dengan RDS diaktifkan)
- **Mainkan melalui** — untuk memilih alat dengar atau pembesar suara
- **Output** — untuk beralih antara output stereo dan mono

- **Tema radio** — untuk memilih tema radio

## Visual Radio

Sesetengah stesen radio boleh menghantar maklumat teks atau grafik yang boleh anda lihat menggunakan aplikasi Visual Radio (perkhidmatan rangkaian). Untuk mendapatkan ketersediaan dan kos, hubungi pembekal khidmat anda.




Untuk menetapkan ID perkhidmatan visual bagi sesuatu stesen, pilih **Pilihan > Saluran** dan stesen. Pilih **Pilihan > ID khidmat visual**, dan masukkan ID.

Untuk memulakan Visual Radio, pilih **Pilihan > Visual Radio**.




Untuk memulakan Visual Radio secara automatik atau setelah pengesahan apabila anda menghidupkan radio, pilih **Pilihan > Bnrkn. khdmt. visual**.

## Perakam suara

Rakam perbualan, bunyi, atau panggilan yang sedang aktif, dan simpan ia di dalam **Galeri**.

Pilih **Menu > Media > Perakam**. Untuk menggunakan kekunci bergraf , , atau  pada paparan, tatal ke kiri atau kanan.

### Merakamkan bunyi

1. Pilih , atau, semasa dalam panggilan, pilih **Pilihan > Rakam**. Semasa merakam panggilan, semua pihak dalam panggilan mendengar bunyi bip yang perlahan. Untuk menjedakan rakaman, pilih .
2. Untuk menamatkan rakaman, pilih . Rakaman disimpan dalam folder Rakaman dalam **Galeri**.

Pilih **Pilihan** untuk memainkan atau menghantar rakaman terakhir, untuk mengakses senarai rakaman atau untuk memilih memori dan folder tempat untuk menyimpan rakaman.

## Penyama

Melaraskan bunyi apabila menggunakan pemain muzik.

Pilih **Menu > Media > Penyama**.

Untuk mengaktifkan set penyama yang dipartentukan, tatal kepada salah satu daripada set, dan pilih **Aktifkan**.

### Buat set penyama baru

1. Pilih satu daripada dua set terakhir di dalam senarai dan **Pilihan > Edit**.

2. Tatal ke kiri atau ke kanan untuk mengakses gelangar maya dan ke atas dan ke bawah untuk melaraskan gelangar.
3. Untuk menyimpan tetapan dan membuat nama bagi set tersebut, pilih **Simpan** dan **Pilihan** > **Nama semula**.

## Peluasan stereo

Peluasan stereo menghasilkan kesan bunyi stereo yang luas apabila anda menggunakan alat dengar stereo.

Untuk mengaktifkan, pilih **Menu** > **Media** > **Peluasan stereo**.

## Pengatur

### Jam penggera

Untuk membunyikan penggera pada masa yang dikehendaki.

#### Menetapkan penggera

1. Pilih **Menu > Pengatur > Jam penggera**.
2. Hidupkan penggera dan masukkan masa penggera.
3. Untuk membunyikan penggera pada hari yang terpilih dalam seminggu, pilih **Ulang:** > **Aktif** dan hari-hari tersebut.
4. Pilih nada penggera. Jika anda memilih radio sebagai nada penggera, sambungkan alat dengar ke telefon.
5. Tetapkan tamat masa tunda, dan pilih **Simpan**.

#### Hentikan penggera

Untuk menghentikan penggera yang berbunyi, pilih **Henti**. Jika anda membiarkan penggera berbunyi selama satu minit, atau memilih **Tunda**, penggera berhenti selama tamat masa tunda, kemudian bersambung semula.

## Kalendar

Pilih **Menu > Pengatur > Kalendar**.

Hari semasa dibingkaikan. Jika terdapat sebarang nota yang ditetapkan untuk hari tersebut, harinya adalah dalam jenis tebal. Untuk melihat nota hari, pilih **Pamer**. Untuk melihat minggu, pilih **Pilihan > Paparan minggu**. Untuk memadam semua nota dalam kalendar, pilih **Pilihan > Padam nota > Semua nota**.

Untuk mengedit tetapan yang berkaitan dengan tarikh dan masa, pilih **Pilihan > Tetapan** dan daripada pilihan yang tersedia. Untuk memadam semua nota lama secara automatik selepas masa yang ditentukan, pilih **Pilihan > Tetapan > Padam automat. nota** dan daripada pilihan yang tersedia.

#### Membuat nota kalendar

Tatal ke tarikh dan pilih **Pilihan > Buat nota**. Pilih jenis nota, dan lengkapkan medannya.

## Peta

Anda boleh menyemak imbas peta untuk mendapatkan berbagai-bagai bandar dan negara yang berbeza, mencari alamat dan tempat tarikan, rancang laluan dari satu lokasi ke lokasi yang lain, menyimpan lokasi seperti tanda tempat, dan menghantarkannya ke peranti yang serasi.

Hampir semua kartografi digital tidak tepat dan tidak lengkap ke sesuatu tahap. Jangan bergantung sepenuhnya pada kartografi yang anda muat turun untuk digunakan dalam peranti ini.

Untuk menggunakan aplikasi Peta, pilih **Menu > Pengatur > Peta** dan dari pilihan yang tersedia.

## Muat turun peta

Telefon anda mungkin mengandungi peta pra pasang pada kad memori. Telefon anda boleh memuat turun set peta baru melalui internet dengan menggunakan perisian Nokia Map Loader PC.

### Pemuat Peta Nokia

Untuk memuat turun Nokia Map Loader pada PC anda dan untuk mendapatkan arahan lanjut, lihat [www.maps.nokia.com](http://www.maps.nokia.com).

Sebelum anda memuat turun peta baru untuk pertama kali, pastikan bahawa kad memori telah dimasukkan ke dalam telefon.

Pilih **Menu > Pengatur > Peta** untuk membuat tatarajah permulaan.

Untuk menukar pemilihan peta pada kad memori anda, gunakan Nokia Map Loader untuk memadam semua peta pada kad memori dan muat turun pemilihan baru, untuk memastikan bahawa kesemua peta adalah daripada keluaran yang sama.

### Perkhidmatan peta Nokia.

Anda boleh menetapkan telefon anda agar memuat turun secara automatik peta yang tiada dalam telefon anda apabila diperlukan.

Pilih **Menu > Pengatur > Peta > Tetapan > Tetapan rangkaian > Bnrkn p'gunaan r'gkn > Ya** atau **Dlm. rang. rumah**.

Untuk mencegah muat turun peta secara automatik, pilih **Tidak**.

Memuat turun peta mungkin melibatkan pemindahan jumlah besar data melalui rangkaian pembekal khidmat anda. Hubungi pembekal khidmat anda untuk mendapatkan maklumat tentang caj pemindahan data.

## Peta dan GPS

Anda boleh menggunakan sistem kedudukan global (GPS) untuk menyokong aplikasi peta, cari lokasi anda atau mengukur jarak dan koordinat.

Sebelum anda boleh menggunakan fungsi GPS bersama-sama dengan telefon anda, anda perlu memasang telefon anda dengan penerima GPS luaran serasi dengan menggunakan teknologi tanpa wayar Bluetooth. Untuk maklumat lanjut, lihat panduan pengguna peranti GPS anda.

Selepas memasang peranti GPS Bluetooth dengan telefon, ia mungkin mengambil beberapa minit bagi telefon untuk memaparkan lokasi semasa.

Sambungan berikutnya sepatutnya lebih laju tetapi jika tidak menggunakan GPS untuk beberapa hari atau sangat jauh dari tempat terakhir yang anda gunakannya, ia mungkin mengambil beberapa minit untuk mengesan dan memaparkan lokasi anda.

Sistem Pengesanan Global (GPS) dikendalikan oleh kerajaan Amerika Syarikat, yang bertanggung jawab sepenuhnya untuk kejituan dan penyelenggaraannya. Kejituan data lokasi boleh terjejas oleh pelarasan kepada satelit GPS yang dibuat oleh kerajaan Amerika Syarikat dan tertakluk kepada perubahan dengan perubahan pada dasar GPS awam Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat dan Rancangan Radionavigasi Kebangsaan. Kejituan juga boleh terjejas oleh geometri satelit yang tidak baik. Ketersediaan dan kualiti isyarat GPS mungkin terjejas oleh lokasi anda, bangunan, halangan semula jadi dan keadaan cuaca. Penerima GPS hendaklah digunakan hanya di luar bangunan untuk membolehkan penerimaan isyarat GPS.

Mana-mana GPS tidak harus digunakan untuk ukuran lokasi yang tepat, dan anda tidak harus bergantung semata-mata pada data lokasi dari penerima GPS dan rangkaian radio sel untuk mengesan kedudukan atau untuk menavigasi.

## Perkhidmatan tambahan

Anda boleh menaik taraf Peta dengan navigasi berpanduan suara sepenuhnya, yang memerlukan lesen wilayah. Untuk menggunakan perkhidmatan ini, anda memerlukan peranti GPS luaran yang serasi dengan menggunakan teknologi wayarles Bluetooth.

Untuk membeli perkhidmatan navigasi dengan panduan suara, pilih **Menu > Pengatur > Peta > P'khidmtn tambahn > Beli navigasi**, dan ikut arahnya.

Untuk mengguankan navigasi dengan panduan suara, anda mesti membenarkan aplikasi Peta untuk menggunakan sambungan rangkaian.

Lesen navigasi disambungkan ke kad SIM anda. Jika anda memasukkan kad SIM lain di dalam telefon anda, anda diminta untuk membeli lesen apabila memulakan navigasi. Semasa prosedur pembelian, anda ditawarkan untuk memindahkan lesen navigasi yang sedia ada ke kad SIM yang baru tanpa bayaran tambahan.

## Senarai tugasan

Untuk menyimpan nota bagi tugasan yang anda mesti buat, pilih **Menu > Pengatur > Senarai tugasan**.

Untuk membuat nota jika tiada nota ditambahkan, pilih **Tambah**; jika tidak, pilih **Pilihan > Tambah**. Isikan medan-medan berikut, dan pilih **Simpan**.

Untuk melihat nota, tatal ke nota itu dan pilih **Pamer**.

## Nota

Untuk menulis dan menghantar nota, pilih **Menu > Pengatur > Nota**.

Untuk membuat nota jika tiada nota ditambahkan, pilih **Tambah**; jika tidak, pilih **Pilihan > Buat nota**. Tulis nota, dan pilih **Simpan**.

## Kalkulator

Telefon anda menyediakan kalkulator piawai, saintifik dan kalkulator peminjaman.

Pilih **Menu > Pengatur > Kalkulator** dan, daripada pilihan yang tersedia, jenis kalkulator dan arahan pengendalian.

Kalkulator ini mempunyai ketepatan yang terbatas dan direka bentuk untuk pengiraan mudah.

## Pemasa undur

### Pemasa biasa

1. Untuk mengaktifkan pemasa, pilih **Menu > Pengatur > Pemasa undur > Pemasa biasa**, masukkan masa, dan tulis nota yang dipaparkan apabila masa telah tamat. Untuk menukar masa, pilih **Tukar masa**.
2. Untuk memulakan pemasa, pilih **Mula**.
3. Untuk menghentikan pemasa, pilih **Henti pemasa**.

### Pemasa jarak waktu

1. Untuk mendapatkan jarak masa sehingga dimulakan 10 jarak, masukkan jarak dahulu.
2. Pilih **Menu > Pengatur > Pemasa undur > Pemasa jarak waktu**.
3. Untuk memulakan pemasa, pilih **Mula pemasa > Mula**.

Untuk memilih bagaimana pemasa selang harus memulakan tempoh berikut, pilih **Menu > Pengatur > Pemasa undur > Tetap > Terus ke t'poh brikut**. dan daripada pilihan yang tersedia.

## Jam randik

Anda boleh mengukur masa, mengambil masa pertengahan, atau masa pusingan menggunakan jam randik.

Pilih **Menu > Pengatur > Jam randik** dan daripada pilihan yang berikut:

- **Pemisahan masa** — untuk mengambil masa pengantara. Untuk menetap semula masa tanpa menyimpannya, pilih **Pilihan > Tetap semula**.
- **Masa pusingan** — untuk mengambil masa pusingan
- **Teruskan** — untuk melihat pemasaan yang telah anda tetapkan di latar belakang
- **Tunjukkan akhir** — untuk melihat masa yang paling baru diukur jika jam randik tidak ditetap semula
- **Pamer masa** atau **Padam masa** — untuk melihat atau memadam masa-masa yang disimpan

Untuk menetap pemasaan jam randik di latar belakang, tekan kekunci tamat.

## Aplikasi

Telefon anda mungkin mempunyai beberapa permainan atau aplikasi yang terpasang. Fail ini disimpan dalam memori telefon atau kad memori dan mungkin disusun dalam folder. [Lihat "Kad memori," h. 46.](#)

### Melancarkan aplikasi

Pilih **Menu** > **Aplikasi** > **Permainan, Kad memori,** atau **Kutipan**. Tatal ke permainan atau aplikasi, dan pilih **Buka**.

Untuk menetapkan bunyi, cahaya, dan getaran untuk permainan, pilih **Menu** > **Aplikasi** > **Pilihan** > **Tetapan aplikasi**.

Pilihan lain yang tersedia mungkin termasuk berikut:

- **Versi terkini** — untuk mengesahkan versi baru aplikasi tersedia untuk dimuat turun dari web (perkhidmatan rangkaian)
- **Laman web** — untuk memberi maklumat lanjut atau data tambahan bagi aplikasi dari halaman internet (perkhidmatan rangkaian), jika tersedia
- **Akses aplikasi** — untuk menyekat aplikasi daripada mengakses rangkaian

### Memuat turun aplikasi

Telefon anda menyokong aplikasi Java J2ME. Pastikan bahawa aplikasi tersebut serasi dengan telefon anda sebelum memuat turunnya.



**Penting:** Hanya pasang dan gunakan aplikasi dan perisian lain daripada sumber yang dipercayai, seperti aplikasi yang diTandatangani Symbian atau yang telah lulus ujian Java Verified™.

Anda boleh memuat turun aplikasi baru dengan beberapa cara berlainan.

- Pilih **Menu** > **Aplikasi** > **Pilihan** > **Muat turun** > **Muat turun aplikasi** atau **Muat turun mainan**; senarai penanda buku yang tersedia dipamerkan.
- Gunakan Nokia Application Installer daripada PC Suite untuk memuat turun aplikasi ke telefon anda.

Untuk ketersediaan perkhidmatan dan harga yang berbeza, hubungi pembekal khidmat anda.

## Web

Anda boleh mengakses pelbagai perkhidmatan internet dengan penyemak imbas telefon anda. Penampilan halaman internet mungkin berbeza disebabkan oleh saiz skrin. Anda mungkin tidak dapat melihat semua butiran pada halaman internet.



**Penting:** Gunakan hanya layanan yang Anda percaya dan yang menawarkan perlindungan memadai dan proteksi terhadap perangkat lunak berbahaya.

Hubungi pembekal khidmat anda untuk mendapatkan ketersediaan bagi perkhidmatan, penentuan harga dan arahan ini.

Anda mungkin menerima tetapan tatarajah yang diperlukan untuk menyemak imbas sebagai mesej tatarajah daripada pembekal khidmat anda.

Untuk menyediakan perkhidmatan, pilih **Menu > Web > Tetapan web > Tetapan tatarajah**, tatarajah dan akaun.

## Menyambung kepada perkhidmatan

Untuk membuat sambungan kepada perkhidmatan, pilih **Menu > Web > Rumah**; atau dalam mod siap sedia, tekan dan tahan **0**.

Untuk memilih penanda buku, pilih **Menu > Web > Penanda buku**.

Untuk memilih URL yang terakhir, pilih **Menu > Web > Almt web t'akhir**.

Untuk memasukkan alamat perkhidmatan, pilih **Menu > Web > Pergi ke alamat**. Masukkan alamat, dan pilih **OK**.

Setelah anda membuat sambungan ke perkhidmatan, anda boleh mula menyemak imbas halamannya. Fungsi kekunci telefon mungkin berbeza-beza dalam perkhidmatan berlainan. Ikut panduan teks pada paparan telefon. Untuk maklumat lanjut, hubungi pembekal khidmat anda.

## Muat naik Web

Buka halaman web perkhidmatan perkongsian dalam talian anda untuk melihat imej dan video yang dimuat naik dan untuk menukar tetapan (perkhidmatan rangkaian).

### Buka perkhidmatan perkongsian dalam talian

1. Pilih **Menu > Web > Muat naik web** dan perkhidmatan perkongsian dalam talian.
2. Pilih daripada pautan yang ditawarkan oleh perkhidmatan.

## Tambah perkhidmatan perkongsian dalam talian yang baru

Pilih **Menu** > **Web** > **Muat naik web** > **Tbh p'khid baru** dan ikut arahan pada paparan.

## Tukar tetapan perkhidmatan perkongsian dalam talian

1. Pilih **Menu** > **Web** > **Muat naik web** dan perkhidmatan perkongsian dalam talian.
2. Pilih **Pilihan** > **Tetapan** untuk membuka halaman tetapan perkhidmatan.

## Tetapan kemunculan

Semasa menyemak imbas web, pilih **Pilihan** > **Tetapan**. Pilihan yang tersedia mungkin merangkumi yang berikut:

- **Paparan** — Pilih saiz fon, sama ada imej ditunjukkan dan cara teks dipaparkan.
- **Umum** — Pilih sama ada alamat web dihantar sebagai Unicode (UTF-8), jenis pengekodan untuk kandungan dan sama ada JavaScript didayakan.

## Memori cache

Cache merupakan lokasi memori yang digunakan untuk menyimpan data secara sementara. Jika Anda telah mencuba mengakses atau telah mengakses informasi rahasia yang membutuhkan kata sandi, kosongkanlah cache setiap kali setelah digunakan. Maklumat atau perkhidmatan yang telah anda akses disimpan di dalam cache.

Kuki adalah data yang disimpan oleh tapak di dalam memori cache telefon anda. Kuki disimpan sehingga anda mengosongkan memori cache.

Untuk mengosongkan cache semasa menyemak imbas, pilih **Pilihan** > **Alat** > **Ksngkan. cache**. Untuk membenarkan atau mencegah telefon daripada menerima kuki, pilih **Menu** > **Web** > **Tetapan web** > **Keselamatan** > **Kuki**; atau, semasa menyemak imbas, pilih **Pilihan** > **Tetapan** > **Keselamatan** > **Kuki**.

## Keselamatan penyemak imbas

Ciri-ciri keselamatan mungkin diperlukan untuk sesetengah perkhidmatan, seperti perkhidmatan perbankan atau membeli-belah dalam talian. Untuk sambungan seumpama ini anda perlukan sijil keselamatan dan mungkin juga modul keselamatan, yang mungkin tersedia pada kad SIM anda. Untuk mendapat maklumat lanjut, hubungi pembekal khidmat anda.

Untuk melihat atau menukar tetapan modul keselamatan, atau untuk melihat senarai sijil kuasa atau sijil pengguna dimuat turunkan ke telefon

anda, pilih **Menu > Tetapan > Keselamatan > Ttpn modul k'selamtn, Sijil kuasa, atau Sijil pengguna.**



**Penting:** Walaupun jika penggunaan sijil menyebabkan risiko terlibat dalam sambungan jauh dan pemasangan perisian lebih kecil, ia perlu digunakan secara betul untuk mendapat faedah dari perlindungan yang meningkat. Kewujudan sijil tidak menawarkan sebarang perlindungan dengan sendirinya, pengurus sijil perlu mengandungi sijil yang betul, sah dan dipercayai untuk perlindungan yang bertambah wujud. Siji; mempunyai jangka hayat yang terbatas. Jika "Sijil yang tamat tempoh" atau "Sijil belum sah lagi" ditunjukkan, walaupun sijil perlu sah, periksa tarikh dan masa terkini dalam peranti anda betul.

## Perkhidmatan SIM

Kad SIM anda mungkin menyediakan perkhidmatan tambahan. Anda boleh mengakses menu ini hanya jika ia disokong oleh kad SIM anda. Nama dan kandungan menu ini bergantung kepada khidmat yang tersedia.

Untuk menunjukkan mesej pengesahan yang dihantar antara telefon anda dan rangkaian apabila anda menggunakan perkhidmatan SIM, pilih **Menu > Tetapan > Telefon > Sahkan tindakan SIM**.

Mengakses perkhidmatan ini mungkin melibatkan penghantaran mesej atau membuat panggilan telefon yang boleh dikenakan bayaran.

## Aksesori tulen



**Amaran:**Gunakan hanya bateri, pengecas, dan tambahan yang diluluskan oleh Nokia untuk digunakan khususnya dengan model telefon ini. Penggunaan sebarang jenis lain boleh mentaksahkan apa-apa kelulusan atau jaminan, dan mungkin berbahaya.

Berbagai-bagai jenis aksesori baru tersedia untuk peranti anda. Pilih aksesori yang menampung keperluan khusus komunikasi anda.



## Bateri

Jenis	Rangkaian	Masa bercakap	Siap sedia
BL-5BT	GSM	Sehingga 4 jam	Sehingga 300 jam



**Penting:** Masa bercakap dan siap sedia bateri hanya anggaran dan bergantung kepada kekuatan isyarat, keadaan rangkaian, ciri yang digunakan, umur dan keadaan bateri, suhu bateri didedahkan, penggunaan dalam mod digital, dan banyak lagi faktor lain. Jumlah masa peranti digunakan untuk panggilan akan menjejaskan masa siap sedianya. Jumlah masa peranti dihidupkan dan berada dalam mod siap sedia juga akan menjejaskan masa bercakapnya.

## Alat Dengar Bluetooth Nokia BH-304

Alat dengar Bluetooth Nokia BH-304 membiarkan anda melahirkan perasaan anda sambil anda bercakap. Pilih daripada tiga reka bentuk penutup saling boleh tukar untuk wajah segar yang sepadan dengan gaya anda dan sesuai dengan pakaian anda. Tambahan pula, ia ringan dan mudah dikenakan, dibekalkan dengan gelung telinga pilihan.

## Sarung Pembawa Nokia CP-294

Gabung padan dengan kes menarik yang membantu anda melindungi peranti anda dan meningkatkan penampilan anda. Kes fabrik lembut ini boleh didapati dalam warna merah jambu atau kelabu, dengan rantai hiasan pilihan, serta lelubang logam yang hebat sebagai hiasan utama tersendiri bagi reka bentuk yang sedap dipandang.

## Alat dengar Stereo Nokia WH-700

Alat dengar berwayar yang bergaya yang memberi keselesaan maksimum dengan 3 saiz plag telinga. Ia menyediakan audio stereo yang bagus serta beg bawaan berguna untuk penyimpanan kable bebas kekusutan. Pilihan pengurusan panggilan dan kawalan kelantangan boleh dikendalikan dengan mudah dengan kawalan jauh yang disediakan.

# Bateri

## Maklumat bateri dan pengecas

Peranti anda mendapat kuasa dari bateri yang boleh dicas semula. Bateri yang dimaksudkan untuk penggunaan dengan peranti ini adalah BL-5BT. Peranti ini dimaksudkan untuk digunakan apabila mendapat bekalan kuasa dari pengecas yang berikut: AC-3. Bateri boleh dicas dan dinyahcas beratus-ratus kali, tetapi lama kelamaan ia akan haus. Apabila masa bual dan masa siap sedia nyata lebih pendek dari biasa, gantikanlah bateri. Gunakan hanya bateri yang diluluskan oleh Nokia, dan cas semula bateri anda hanya dengan pengecas yang diluluskan oleh Nokia untuk digunakan dengan peranti ini. Penggunaan bateri atau pengecas yang tidak luluskan boleh mengakibatkan risiko kebakaran, letupan, kebocoran, atau bahaya yang lain.

Nombor model pengecas yang sebenar mungkin berbeza-beza bergantung pada jenis palam. Varian palam dikenal pasti dengan salah satu daripada yang berikut: E, EB, X, AR, U, A, C, atau UB.

Jika bateri digunakan buat pertama kalinya atau jika bateri telah tidak digunakan untuk tempoh yang lama, anda mungkin perlu menyambungkan pengecas dan kemudian mencabutnya dan menyambungkannya semula untuk memulakan pengecasan. Jika bateri benar-benar kehabisan kuasa, beberapa minit mungkin diperlukan sebelum penunjuk pengecasan muncul di paparan atau sebelum sebarang panggilan boleh dibuat.

Sentiasa matikan peranti ini dan cabut pengecas sebelum mengeluarkan bateri.

Cabut pengecas dari palam elektrik dan peranti ini apabila tidak digunakan. Jangan biarkan bateri yang telah dicas penuh tersambung kepada pengecas, kerana pengecasan berlebihan boleh memendekkan hayatnya. Jika dibiarkan tanpa digunakan, bateri yang dicas penuh lama kelamaan akan hilang casnya.

Sentiasa cuba kekalkan bateri antara 15°C dan 25°C (59°F dan 77°F). Suhu yang melampau mengurangkan keupayaan dan jangka hayat bateri. Peranti dengan bateri yang sejuk atau panas mungkin tidak akan berfungsi buat sementara waktu. Prestasi bateri terhad terutamanya dalam suhu yang jauh di bawah beku.

Jangan melitar pintas bateri. Melitar pintas secara tidak sengaja boleh berlaku apabila objek logam seperti duit syiling, klip, atau pen menyebabkan sambungan langsung terminal positif (+) dan negatif (-) bateri. (Ia kelihatan seperti jalur-jalur logam pada bateri.) Ini mungkin berlaku, contohnya, apabila anda membawa bateri ganti di dalam saku atau beg tangan anda. Melitar pintas terminal boleh merosakkan bateri atau objek yang menyambungkan.

Jangan buang bateri di dalam api kerana ia boleh meletup. Bateri juga boleh meletup jika rosak. Buang bateri menurut peraturan tempatan. Sila kitar semula jika boleh. Jangan buang sebagai sisa rumah.

Jangan hapus, kerat, buka, musnah, bengkok, ubah bentuk, cucuk, atau cincang sel atau bateri. Sekiranya bateri bocor, jangan biarkan cecairnya terkena pada kulit atau mata. Sekiranya berlaku kebocoran sedemikian, segera siram kulit atau mata anda dengan air, atau dapatkan bantuan perubatan.

Jangan ubah suai, mengilang semula, cuba untuk memasukkan objek asing ke dalam bateri, serta merendam atau mendedahkannya pada air atau cecair yang lain.

Penyalahgunaan bateri boleh mengakibatkan kebakaran, letupan, atau bahaya yang lain. Jika peranti atau bateri dijatuhkan, terutamanya pada permukaan keras, dan anda percaya bateri itu rosak, bawanya ke pusat perkhidmatan untuk pemeriksaan sebelum anda menggunakannya semula.

Gunakan bateri hanya untuk tujuan kegunaannya. Jangan sekali-kali menggunakan sebarang pengecas atau bateri yang rosak. Jauhkan bateri anda dari capaian kanak-kanak kecil.

## **Garis panduan pengesahan ketulenan bateri Nokia**

Sentiasa guna bateri Nokia tulen untuk keselamatan anda. Untuk memeriksa bagi memastikan anda telah mendapat bateri asli Nokia, belilah ia daripada wakil penjual Nokia yang berdaftar, dan periksa label hologram menggunakan langkah-langkah berikut:

Berjaya menyelesaikan langkah itu bukanlah jaminan mutlak ketulenan bateri. Jika anda mempunyai sebarang sebab untuk mempercayai bahawa bateri anda bukanlah bateri asli Nokia yang tulen, jangan gunakannya dan bawa ke pusat servis atau wakil penjual Nokia sah yang terdekat dengan anda untuk mendapatkan bantuan. Pusat servis atau wakil penjual Nokia sah anda akan memeriksa bateri itu bagi memastikan ketulenannya. Jika ketulenannya tidak dapat ditentusahkan, kembalikan bateri itu ke tempat pembelian.

## Sahkan ketulenan hologram

1. Apabila anda melihat hologram pada label, anda seharusnya melihat simbol tangan berjalanan Nokia dari satu sudut dan logo Tambahan Asli Nokia apabila melihat dari sudut lain.
2. Apabila anda menyerongkan hologram ke kiri, ke kanan, ke bawah, dan ke atas, anda seharusnya melihat bintik1, 2, 3, dan 4 masing-masing di setiap sisi.



## Bagaimana kalau baterai anda tidak tulen?

Jika anda tidak boleh mengesahkan bahawa baterai Nokia anda dengan hologram pada label adalah baterai tulen Nokia, jangan gunakan baterai tersebut. Bawa ia ke tempat servis atau wakil penjual Nokia berdaftar yang terdekat untuk mendapatkan bantuan. Penggunaan baterai yang tidak diluluskan oleh pembuat mungkin berbahaya dan mungkin menghasilkan prestasi yang lemah dan merosakkan peranti anda dan tambahan-tambahannya. Ia mungkin juga mentaksahkan sebarang kelulusan atau waranti untuk peranti ini.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai baterai asli Nokia, kunjungi [www.nokia-asia.com/batterycheck](http://www.nokia-asia.com/batterycheck).

## Penjagaan dan penyelenggaraan

Peranti anda adalah produk hasil reka bentuk dan ketukangan unggul dan patut dijaga dengan baik. Cadangan berikut akan membantu anda melindungi perlindungan jaminan anda.

- Pastikan peranti ini sentiasa kering. Pemendakan, kelembapan, dan semua jenis cecair atau lembapan boleh mengandungi mineral-mineral yang akan mengakis litar elektronik. Jika peranti anda menjadi basah, keluarkan baterinya, dan biarkan peranti ini benar-benar kering sebelum memasangnya semula.
- Jangan gunakan atau simpan peranti ini di tempat yang berhabuk dan kotor. Bahagian yang bergerak dan komponen elektronik di dalamnya boleh menjadi rosak.
- Jangan simpan peranti ini di tempat yang panas. Suhu tinggi boleh memendekkan hayat peranti elektronik, merosakkan bateri, dan meledingkan atau mencairkan plastik tertentu.
- Jangan simpan peranti ini di tempat yang sejuk. Apabila peranti ini kembali pada suhu normalnya, lembapan boleh terbentuk di dalam peranti ini, dan merosakkan papan litar elektroniknya.
- Jangan cuba membuka peranti ini dengan cara yang lain daripada yang diarahkan di dalam panduan ini.
- Jangan jatuhkan, ketuk atau goncang peranti ini. Pengendalian yang kasar boleh memecahkan papan litar dalaman dan mekanisme halus.
- Jangan gunakan kimia, pelarut pembersihan, atau bahan cuci yang keras untuk membersihkan peranti ini.
- Jangan cat peranti ini. Cat boleh menyebabkan bahagian yang boleh digerakkan menjadi tersumbat dan menghalang operasi sempurna.
- Gunakan kain kering yang lembut dan bersih untuk membersihkan sebarang kanta seperti kanta kamera, sensor jarak, dan sensor cahaya.
- Gunakan hanya antena gantian yang dibekalkan atau diluluskan. Antena, pengubahsuaian atau pemasangan yang tidak dibenarkan boleh merosakkan peranti ini dan mungkin melanggar peraturan yang berkuatkuasa bagi peranti radio.
- Gunakan pengecas di dalam bangunan.
- Sentiasa buat data sandaran yang anda hendak simpan, seperti kenalan dan nota kalendar.
- Untuk menetapkan semula peranti dari masa ke masa untuk mendapatkan prestasi yang optimum, matikan peranti dan keluarkan bateri.

Semua cadangan ini sama berkaitan dengan peranti anda, bateri, pengecas atau sebarang tambahan. Jika sebarang peranti tidak berfungsi dengan

betul, bawa peranti tersebut ke kemudahan servis berdaftar yang terdekat untuk diservis.

# Maklumat keselamatan tambahan

## Kanak-kanak kecil

Peranti anda dan tambahan-tambahannya mungkin mengandungi bahagian-bahagian kecil. Jauhkan ia dari capaian kanak-kanak kecil.

## Persekitaran beroperasi

Peranti ini memenuhi garis panduan pendedahan RF apabila digunakan dalam kedudukan biasa pada telinga atau apabila diletakkan sekurang-kurangnya 2.2 sentimeter (7/8 inci) jauh dari badan. Apabila sarung pembawa, klip tali pinggang atau pemegang digunakan bagi operasi pakai pada badan, ia tidak seharusnya mengandungi logam dan harus meletakkan peranti sejauh jarak yang disebut di atas dari badan.

Untuk menghantar fail data atau mesej, peranti ini memerlukan sambungan yang bermutu kepada rangkaian. Dalam sesetengah hal, penghantaran fail data atau mesej mungkin tertunda sehingga sambungan demikian terdapat. Pastikan arahan jarak pemisahan di atas dipatuhi sehingga penghantaran selesai.

## Alat perubatan

Operasi sebarang peralatan pemancar radio, termasuk telefon wayarles, boleh mengganggu fungsi alat-alat perubatan yang tidak dilindungi secukupnya. Anda harus berjumpa dengan pakar perubatan atau pembuat alat perubatan tersebut untuk menentukan sama ada ia dilindungi secukupnya daripada tenaga RF luaran atau jika anda mempunyai sebarang pertanyaan. Matikan peranti ini di kemudahan jagaan kesihatan apabila diarahkan berbuat demikian oleh peraturan yang ditampalkan di tempat-tempat ini. Hospital atau kemudahan jagaan kesihatan mungkin menggunakan peralatan yang peka terhadap tenaga RF luaran.

## Alat perubatan yang diimplan

Pengilang alat perubatan menyarankan bahawa pemisahan minimum sebanyak 15.3 sentimeter (6 inci) hendaklah dikekalkan di antara peranti wayarles dan alat perubatan yang diimplan, seperti perentak jantung atau kardioverter defibrilator yang diimplan, untuk mengelakkan gangguan yang mungkin berlaku dengan alat perubatan. Orang yang memiliki peranti sedemikian hendaklah:

- Sentiasa pastikan peranti wayarles berada lebih daripada 15.3 sentimeter (6 inci) dari alat perubatan apabila peranti wayarles dihidupkan.
- Tidak membawa peranti ini di dalam saku dada.

- Pegang peranti wayarles pada telinga yang bertentangan dengan alat perubatan untuk mengurangkan gangguan yang mungkin berlaku.
- Matikan peranti wayarles dengan segera jika terdapat sebarang sebab untuk mengesyaki gangguan sedang berlaku.
- Baca dan ikut arahan daripada pengilang alat perubatan yang diimplan.

Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai menggunakan peranti wayarles dengan alat perubatan yang diimplan, rujuk penyedia jagaan kesihatan anda.

## Alat bantuan pendengaran

Sesetengah peranti wayarles digital boleh mengganggu sesetengah alat bantuan pendengaran. Jika gangguan berlaku, hubungi pembekal khidmat anda.

## Kenderaan

Isyarat RF boleh menjejaskan sistem elektronik yang tidak dipasang dengan betul atau tidak dilindungi secukupnya di dalam kenderaan bermotor seperti sistem pancitan bahan bakar elektronik, sistem brek anti-kelincir (anti-kunci) elektronik, sistem kawalan kelajuan elektronik, dan sistem beg udara. Untuk maklumat lanjut, periksa dengan pembuat kenderaan, anda atau wakilnya, atau sebarang peralatan yang telah ditambah.

Hanya kakitangan yang berkelayakan harus membaiki peranti ini atau memasang peranti ini di dalam kenderaan. Pemasangan atau servis yang tidak betul membahayakan dan boleh mentaksahkan sebarang waranti yang mungkin diberikan bagi peranti ini. Periksa dari masa ke masa dengan tetap semua peralatan peranti wayarles di dalam kenderaan anda bagi memastikan ia dipasang dan beroperasi dengan betul. Jangan simpan atau bawa cecair mudah terbakar, gas, atau bahan mudah meletup di dalam tempat yang sama dengan peranti ini, bahagian-bahagiannya atau tambahan-tambahannya. Untuk kenderaan yang dilengkapi beg udara, anda harus ingat bahawa beg udara mengembang dengan daya yang amat kuat. Jangan letakkan barang-barang, termasuk peralatan wayarles baik yang terpasang mahupun yang mudah dialih di tempat di atas beg udara atau di tempat pelancaran beg udara. Jika peralatan wayarles dalam-kenderaan tidak dipasang dengan betul dan beg udara mengembang, kecederaan serius boleh berlaku.

Menggunakan peranti anda semasa terbang di dalam pesawat adalah dilarang. Matikan peranti anda sebelum menaiki pesawat. Penggunaan peranti telefon wayarles di dalam pesawat boleh membahayakan pengendalian pesawat, mengganggu rangkaian telefon wayarles, dan mungkin menyalahi undang-undang.

## Persekitaran di mana letupan boleh berlaku

Matikan peranti anda apabila berada di kawasan di mana letupan boleh berlaku, dan patuhi semua papan tanda dan arahan. Persekitaran di mana letupan boleh berlaku termasuk tempat-tempat di mana anda biasanya dinasihatkan supaya mematikan enjin kenderaan anda. Percikan api di kawasan-kawasan seperti itu boleh menyebabkan letupan atau kebakaran yang mengakibatkan kecederaan pada badan ataupun kematian. Matikan peranti ini di tempat-tempat mengisi bahan bakar seperti berdekatan dengan pam gas di stesen minyak. Patuhi sekatan-sekatan terhadap penggunaan peralatan radio di depo, tempat-tempat penyimpanan, dan pengedaran bahan bakar, loji kimia atau tempat operasi peletupan sedang berjalan. Kawasan-kawasan di mana letupan boleh berlaku sering, tetapi tidak semestinya, ditandakan dengan jelas. Ia termasuk di bawah dek di dalam bot, kemudahan memindah atau menyimpan bahan kimia dan tempat-tempat di mana udaranya mengandungi bahan kimia atau zarah seperti butir, habuk, atau serbuk logam. Anda boleh menyemak dengan pembuat kenderaan yang menggunakan gas petroleum cair (seperti propana dan butana) untuk menentukan jika peranti ini boleh digunakan dengan selamat dalam sekitaran kenderaan.

## Panggilan kecemasan



**Penting:** Peranti ini beroperasi menggunakan isyarat radio, rangkaian wayarles, rangkaian talian darat, dan fungsi yang diprogram pengguna. Jika peranti anda menyokong panggilan suara melalui internet (panggilan internet), aktifkan kedua-dua panggilan internet dan telefon selular. Peranti akan cuba membuat panggilan kecemasan melalui rangkaian selular dan melalui pembekal panggilan internet anda jika kedua-duanya diaktifkan. Sambungan dalam semua keadaan tidak dapat dijamin. Anda tidak harus sekali-kali bergantung semata-mata kepada sebarang peranti wayarles untuk komunikasi penting seperti kecemasan perubatan.

Untuk membuat panggilan kecemasan:

1. Jika peranti ini belum dihidupkan, hidupkan ia. Periksa untuk memastikan kekuatan isyarat yang mencukupi. Bergantung pada peranti anda, anda mungkin perlu melengkapkan seperti berikut:
  - Masukkan kad SIM jika peranti anda menggunakannya.
  - Buangkan batasan panggilan tertentu yang telah anda aktifkan dalam peranti anda.
  - Ubah profil anda daripada luar talian atau mod profil penerbangan ke profil yang aktif.

2. Tekan kekunci tamat seberapa banyak kali yang perlu untuk mengosongkan paparan dan menyediakan peranti ini untuk panggilan.
3. Masukkan nombor kecemasan rasmi bagi lokasi semasa anda. Nombor kecemasan berbeza-beza mengikut lokasi.
4. Tekan kekunci panggil .

Apabila membuat panggilan kecemasan, berikan semua maklumat yang perlu seberapa tepat yang mungkin. Peranti wayarles anda mungkin satu-satunya alat komunikasi di tempat kemalangan itu. Jangan tamatkan panggilan sehingga dibenarkan berbuat demikian.

## Maklumat Pensijilan (SAR)

### Peranti mobil ini memenuhi garis panduan antarabangsa bagi pendedahan kepada gelombang radio.

Peranti bimbis anda adalah sebuah pemancar dan penerima radio. Ia direka untuk tidak melebihi had pendedahan kepada gelombang radio yang disarankan oleh garis panduan antarabangsa. Garis panduan ini dihasilkan oleh pertubuhan saintifik ICNIRP dan merangkumi margin keselamatan yang direka bentuk bagi memastikan keselamatan semua orang, tidak kira usia dan kesihatan.

Piawai pendedahan bagi peranti-peranti bimbis menggunakan unit ukuran yang disebut sebagai Kadar Penyerapan Tertentu (Specific Absorption Rate) atau SAR. Had SAR yang dinyatakan di dalam garis panduan ICNIRP adalah 2.0 watts/kilogram (W/kg) dipuratakan pada sepuluh gram tisu. Ujian bagi SAR yang dijalankan menggunakan kedudukan beroperasi biasa dengan peranti memancar pada aras kuasa yang disahkan tertinggi dalam semua jalur frekuensi yang diuji. Paras SAR sebenar bagi peranti yang beroperasi boleh jadi jauh di bawah nilai maksimum kerana peranti direka bentuk untuk menggunakan hanya kuasa yang diperlukan untuk mencapai rangkaian. Jumlahnya berubah bergantung pada beberapa faktor seperti sejauh mana jarak anda dengan stesen pangkalan rangkaian. Nilai SAR tertinggi mengikut garis panduan ICNIRP untuk penggunaan peranti di telinga ialah 0.52 W/kg.

Penggunaan aksesori peranti boleh menghasilkan nilai-nilai SAR yang berbeza-beza. Nilai SAR mungkin berubah-ubah bergantung kepada keperluan laporan kebangsaan dan pengujian dan jalur rangkaian. Maklumat SAR tambahan boleh diberikan di bawah maklumat produk di [www.nokia.com](http://www.nokia.com).

# Indeks

## A

aksesori 42, 64  
 alat dengar 15  
 alihan panggilan 40  
 ambil gambar 48  
 aplikasi 59  
 arahan perkhidmatan 29  
 arahan suara 41

## B

bahagian 16  
 bahasa 41  
 bateri 14  
 bebas tangan 22  
 berkongsi 60

## C

cetak imej 46

## D

dailan suara 21  
 dail semula 40  
 data paket 36  
 dialan pantas 21, 32, 40

## E

e-mel 27

## G

gambar 48  
 GPRS 36  
 GPS 55

## H

hantaran mesej 26

## I

id pemanggil 40  
 IM 29  
 input teks ramalan 23  
 input teks tradisional 23

internet 60

## J

Jagaan Nokia 10  
 jam randik 57  
 jawab dengan sebarang  
 kekunci 40

## K

kabel data 36  
 Kabel data USB 36  
 kad memori 12, 46  
 kad microSD 12  
 kad niaga 32  
 kad SIM 20  
 Kad SIM 12  
 kalkulator 57  
 kamera 48  
 kata laluan sekatan 8  
 kawal kekunci 41  
 kejelasan suara 40  
 kekuatan isyarat 18  
 kekunci 16  
 kemas kini perisian 10, 43  
 kemas kini perisian telefon 41  
 kertas hiasan dinding 38  
 klip video 48  
 kod akses 8  
 kod keselamatan 8  
 kuki 61  
 kunci pad kekunci 20

## L

lampu 38  
 log kedudukan 34  
 log panggilan 33

## M

Maklumat am 34  
 memori cache 61  
 menatal 17  
 menu operator 45  
 mesej kilat 28

mesej maklumat 29  
 mesej segera 29  
 Mesej SIM 29  
 mod luar talian 20  
 mod nombor 23  
 mod penerbangan 19  
 mod teks 23  
 modul keselamatan 8  
 muat turun 9

**N**

nada 38  
 navigasi 17  
 Nokia Saya 9  
 nombor pusat mesej 25  
 nota 57

**P**

paket umum perkhidmatan  
 radio 36  
 paparan 18, 38  
 PC Suite 37  
 peluasan stereo 53  
 pemain media 49  
 pemanggil menunggu 40  
 pemasa dalam panggilan 40  
 pembesar suara 22  
 pengecaman suara 41  
 penunjuk 19  
 penunjuk status 18  
 penutup 13  
 penyama 52  
 penyemak imbas 60  
 perakam 52  
 perakam suara 52  
 perkhidmatan tetapan  
 tatarajah 8  
 perkoongsian dalam talian 60  
 permainan 59  
 pertanyaan penerbangan 41  
 Peta 54  
 petua berguna 9  
 PictBridge 36  
 PIN 8  
 pintasan 19, 39  
 pintasan dailan 21, 32

profil 38  
 PUK 8

**R**

radio 50

**S**

saiz fon 39  
 SIM  
   perkhidmatan 63  
 skrin laman utama 18, 38  
 status cas bateri 18

**T**

tali 15  
 tatarajah 42  
 teks bantuan 41  
 tema 38  
 tetapan 38  
 tetapan kilang 44  
 tulis teks 23

**U**

untuk memulakan nada 41  
 UPIN 8

**V**

Visual Radio 52

**W**

web 60